

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2018

HARI RABU : 21 NOVEMBER 2018

NO. SOALAN: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mencapai objektif penubuhan rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang memberi jaminan terhadap penawaran harga barangan murah oleh Kementerian sebelum ini tidak dicapai malah ianya dimonopoli oleh pihak tertentu.

Nota:

Pertanyaan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan berikut:

NO. SOALAN: 4

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]
TARIKH : 3 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah penambahbaikan oleh Kementerian dalam melancarkan kembali inisiatif pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang kini mempunyai 51 kedai di seluruh negara yang dikendalikan menerusi dua rakan niaga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan **pertanyaan** daripada **Hulu Terengganu** pada 3 Disember 2018 kerana pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh perkara yang sama iaitu Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjenamaan semula KR1M 2.0 merupakan salah satu usaha pihak Kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat. Pihak Kerajaan pada ketika ini, sedang dan telah melaksanakan kajian semula terhadap inisiatif KR1M 2.0. Kajian semula ini dilakukan secara berterusan dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak.

Antara pembaharuan dan penambahbaikan yang bakal dilaksanakan adalah penjualan barangan pada harga patut dan tidak lagi menumpukan penjualan barangan pada harga murah. Pendekatan ini diambil kerana berdasarkan persepsi masyarakat yang kerap menggambarkan barangan yang dijual pada harga yang murah adalah barangan yang tidak bermutu dan rendah kualiti.

Selain itu, pendekatan ini juga mengambil kira sifat penetapan sesuatu harga barangan adalah dinamik yang amat bergantung kepada permintaan dan penawaran sesuatu barangan. Di bawah inisiatif ini, barang keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak dan tepung akan dijual pada harga yang berpatutan. Manakala penjualan barangan pengganti melalui inisiatif ini akan menggunakan bungkusan asal produk yang berjenama dengan harga munasabah dan berpatutan daripada pasaran. Dengan ini, tiada lagi penjualan produk dalaman (*in-house*) sendiri seperti jenama produk KR1M yang lalu. Strategi perniagaan yang tepat seperti ini membolehkan harga barangan di bawah inisiatif ini dapat dijual pada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya/pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya.

Di samping itu, diantara penambahbaikan lain yang bakal dilaksanakan adalah inisiatif ini tidak memfokuskan kepada kedai fizikal yang khusus seperti dahulu, dimana ia dilaksanakan melalui model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan rakan strategik. Pada masa sekarang, hanya dua rakan strategik iaitu TMG dan KK Super Mart yang terlibat dan Kerajaan sedang menambah lebih ramai lagi rakan strategik yang berkaliber dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk menyertai inisiatif ini agar sifat monopoli dapat dielakkan. Penyertaan rakan strategik dikalangan syarikat peruncitan bumiputera juga akan dikembangkan di bawah inisiatif ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah Kerajaan baharu untuk membantu pengusaha IKS dan meningkatkan kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat penerokaan pasaran antarabangsa sebagai medium penting kepada pengembangan dan pembangunan usahawan. Namun begitu produk serta perkhidmatan yang dihasilkan oleh PKS tempatan mestilah memenuhi piawaian yang tinggi supaya dapat bersaing di peringkat global.

Sehubungan itu, MED akan mempertingkatkan program-program dan inisiatif berikut dalam usaha membantu usahawan menembusi pasaran antarabangsa iaitu :

1. Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)

Program ini menyediakan bantuan geran dan skim pinjaman mudah untuk membantu meningkatkan keupayaan eksport syarikat PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu untuk menembusi pasaran global. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan EXIM Bank.

Sejak tahun 2016 sehingga kini, sebanyak 37 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM38.15 juta (25 kelulusan geran berjumlah RM3.62 juta dan 12 kelulusan pinjaman mudah berjumlah RM34.53 juta).

2. Program Going Export (GoEx)

Program yang dilaksanakan oleh MATRADE ini membantu PKS mengeksport produk mereka di pasaran sedia ada atau pasaran baharu.

Di bawah program ini, geran bernilai RM200,000 ditawarkan kepada PKS untuk membangunkan pelan jualan eksport dan pembiayaan kos-kos lain untuk meneroka pasaran baharu. Sehingga Oktober 2018, sejumlah 287 PKS telah menyertai Program GoEx dengan 37 pasaran baharu berjaya ditembusi dengan jualan eksport bernilai RM471 juta.

3. **Program Rangkaian Perniagaan (BLing)**

Program ini bertujuan mewujudkan peluang *rantaian* perniagaan melalui sesi padanan perniagaan (*business matching*) yang diaturkan. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp.

4. **Inisiatif e-dagang (e-commerce) dan perniagaan dalam talian (online business)**

Proses globalisasi dan aplikasi teknologi sebenarnya banyak membuka peluang perniagaan kepada usahawan merentasi sempadan. Justeru, inisiatif ini perlu digunakan dan dieksploitasikan oleh usahawan untuk tujuan promosi, pemasaran dan mewujudkan jaringan kerjasama strategik dalam meningkatkan potensi perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Kementerian akan memperkukuhkan penglibatan usahawan untuk menggunakan platform digital e-dagang seperti Lazada, 11 street, Shopee serta lain-lain media sosial sebagai medium meluaskan pasaran di samping mempromosikan PKS.

Sehingga Oktober 2018, sebanyak 116,445 syarikat dilaporkan telah berdaftar sebagai syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan e-dagang.

Kementerian sedang dalam proses membangunkan program-program baharu yang dapat meningkatkan keupayaan dan pengembangan usahawan untuk bersaing di peringkat global.

Sekian, terima kasih

.....

SOALAN NO : 3

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUSLIMIN BIN YAHYA

KAWASAN : SUNGAI BESAR

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018, RABU

SOALAN :

YB TUAN MUSLIMIN BIN YAHYA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkaitan *West Coast Expressway (WCE)* Banting ke Taiping, berapa tahun konsesi diberikan kepada *West Coast Expressway (WCE)* dan jajaran sepanjang 233KM Lebuhraya tersebut, berapa jumlah pondok kutipan tol yang akan didirikan oleh pihak konsesi yang dipersetujui oleh Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab ketika Sesi Pertanyaan Menteri (MQT) pada 18 Oktober 2018 yang lepas dan jawapan Kementerian Kerja Raya (KKR) pada hari ini adalah mengulangi jawapan yang sama ketika sesi MQT tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya WCE sepanjang 313 kilometer ini telah dibahagikan kepada 2 kaedah, iaitu seperti berikut:

(a) kaedah penswastaan bertol: kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh pihak konsesi WCE Sdn. Bhd., iaitu melibatkan jajaran baharu sepanjang 233 kilometer, bermula dari Jalan B18 Banting – KLIA, dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang, Selangor. Manakala di negeri Perak pula, ia bermula dari Jambatan Sungai Bernam di Hutan Melintang dan berakhir berhampiran di Plaza Tol Changkat Jering Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS);

(b) kaedah konvensional JKR: iaitu melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan 5 atau FR5 yang sedia ada sepanjang 81.5 kilometer, bermula dari Tanjong Karang, Selangor ke Hutan Melintang, Perak (50 kilometer) dan dari Teluk Intan, ke Kampung Lekir, Perak (31.5 kilometer). Kos pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya WCE ini ialah sebanyak RM6.542 bilion, iaitu meliputi pakej penswastaan dengan nilai RM5.044 bilion, dan RM1.498 bilion untuk pakej konvensional yang dilaksanakan oleh JKR. Kaedah kutipan tol yang akan digunakan adalah sistem kutipan tol tertutup (close-system toll) di mana tol dikenakan di jajaran baru yang dibina oleh WCE Sdn Bhd sahaja. Manakala untuk laluan Jalan Persekutuan FR05 sedia ada yang dinaik taraf oleh JKR, ia tidak akan dikenakan sebarang kutipan tol (toll-free).

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa jumlah keseluruhan plaza tol di sepanjang lebuh raya ini ialah sebanyak 20 plaza tol; di mana 6 plaza tol terletak di laluan utama dan 14 plaza tol lagi berada di persimpangan bertingkat. Mengenai tempoh konsesi pula, berdasarkan Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani pada 2 Januari 2013, tempoh konsesi lebuhraya ini ialah selama 50 tahun iaitu bermula dari tarikh perjanjian konsesi mula berkuat kuasa.

Pada masa kini kemajuan Lebuhraya WCE telah mencapai progres keseluruhan 60%, dan ia akan dibuka secara berperingkat kepada pengguna mulai tahun hadapan (2019). Keseluruhan projek Lebuhraya WCE dijangka akan disiapkan pada tahun 2022, iaitu lewat 2 tahun berbanding tarikh jangka siap asal pada bulan April 2020. Kelewatan ini disumbangkan oleh faktor proses pengambilan balik tanah dan juga faktor penentuan atau pemilihan jajaran bagi seksyen 7 di Tanjong Karang, Selangor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 [RABU]

SOALAN NO. 4

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan komitmen dan tekad Kerajaan untuk melaksanakan semua resolusi yang dicadangkan sewaktu Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018. Apakah strategi jangka masa pendek dan sederhana dalam merealisasikan keutuhan ekonomi Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 (KBN 2018) yang telah diadakan pada 1 September 2018 yang lalu merupakan platform penting kepada Kerajaan baharu untuk memperkasa ekonomi Bumiputera. Suka saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk melaksanakan resolusi yang dicadangkan dalam kongres ini. Ini adalah Kongres Ekonomi Bumiputera yang keenam setelah diadakan pada tahun 1965, 1968, 1980, 1992 dan 1999. Suasana dan cabaran pada hari ini adalah berbeza dengan beberapa dekad yang lalu maka KBN 2018 dianjurkan untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai pihak berkepentingan Bumiputera selaras dengan cabaran ekonomi semasa.

Kongres ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan, iaitu seramai 2,500 peserta termasuk dari Sabah dan Sarawak. Peserta kongres telah mengambil bahagian yang aktif sepanjang kongres berlangsung. YAB Perdana Menteri di dalam Ucapatama perasmian telah melontarkan beberapa gagasan baharu dan menggesa satu

SOALAN NO : 4

anjakan minda dalam kalangan Bumiputera dan orang Melayu agar mempunyai ilmu, kemahiran, bersedia untuk bersaing, memiliki nilai-nilai moral dan etika yang baik dan menolak rasuah. Kenyataan YAB Perdana Menteri tersebut jelas menunjukkan komitmen Kerajaan baharu untuk menjadi sebuah Kerajaan yang *business friendly* dan mendukung usaha untuk membudayakan ekonomi Bumiputera dan orang Melayu dalam negara ini.

Pembentangan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang menekankan soal nilai dan integriti telah menjadi teras utama dalam Kongres ini dan mendapat sambutan positif daripada peserta Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB). Ini menunjukkan satu pendekatan dan penerimaan yang berbeza dalam kalangan usahawan Bumiputera. Ini termasuk menerima baik antara saranan GIACC dalam memperkukuhkan sistem penyampaian dan penyertaan orang Melayu dan Bumiputera yang tulen serta mempunyai kemahiran dan tidak bertindak mensabotaj ekonomi.

Kongres ini telah menghasilkan 63 cadangan resolusi merangkumi 4 bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika; pendidikan dan modal insan;

SOALAN NO : 4

pemilikan dan penciptaan kekayaan; serta keusahawanan dan perniagaan. Sebahagian daripada cadangan resolusi kongres tersebut telahpun diambil kira dalam hala tuju, strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11).

Antara cadangan resolusi jangka pendek yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- i) Menjadikan kongres Bumiputera nasional sebagai platform untuk memantau pelaksanaan resolusi menepati niat serta aspirasi komuniti Bumiputera negara;
- ii) Menstruktur semula agensi sedia ada supaya lebih efektif dan efisien serta bebas daripada campur tangan politik;
- iii) Menubuhkan jawatankuasa tindakan khusus yang melibatkan kementerian dan agensi untuk mengkaji dasar dan akta di peringkat persekutuan dan negeri;

SOALAN NO : 4

- iv) Memperkasa agensi sedia ada untuk mengawal selia dan melibatkan diri dalam pembangunan tanah rizab Melayu dan tanah Wakaf; dan
- v) Mewujudkan pangkalan data yang bersepadu (integrated database) dan boleh diakses daripada pelbagai agensi sedia ada, menuju ke arah inisiatif Data Raya (Big Data).

Manakala, antara cadangan resolusi jangka sederhana yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- i) Mencadangkan kajian semula dasar perolehan Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) berhubung keutamaan kepada syarikat Bumiputera;
- ii) Menggalakkan pengambilalihan kawalan (*management buy-out*) bagi anak-anak syarikat yang bukan utama bagi GLC yang berpotensi untuk berkembang;
- iii) Mengumpul, menyelaraskan dan memusatkan informasi kepada satu pangkalan data yang dapat menyalurkan maklumat tentang

SOALAN NO : 4

keusahawanan di bawah satu Kementerian atau agensi yang ditentukan;

iv) Mewujudkan undang-undang penyalahgunaan kuasa berkaitan integriti; dan

v) Mewujudkan tabung pembiayaan pendidikan Bumiputera (*Bumiputera Education Fund*) yang dibiayai melalui sumbangan GLC, syarikat dan individu bagi membiayai pengajian golongan yang memerlukan (berdasarkan pendapatan, latar belakang dan keupayaan).

Dalam hal ini, pelaksanaan resolusi akan dijaikan dengan pelan pelaksanaan dasar KSP RMK-11, mengenal pasti kementerian atau agensi untuk menerajui strategi dan inisiatif dengan *milestone* tertentu bagi memastikan pelaksanaan setiap resolusi tersebut.

Kerajaan komited untuk memastikan agenda Bumiputera agar terus kekal sebagai agenda nasional. Dalam hal ini, Tonggak 2 dalam dokumen KSP RMKe-11 telah memberi penekanan khusus kepada strategi memperkukuh KEB. Ini termasuk inisiatif untuk memperkukuh

SOALAN NO : 4

keberkesanan institusi dan program; memperkasa pendidikan dan modal insan; meningkatkan kawalan efektif dan kemampanan dalam pemilikan ekuiti korporat; meningkatkan pemilikan kekayaan serta membina KEB yang berdaya tahan dan mampan. Ahli Yang Berhormat boleh merujuk ke muka surat 11-13 dokumen KSP RMKe-11 yang mencerakinkan strategi dan inisiatif secara terperinci.

Sekian, terima kasih.
21 November 2018
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH (SANDAKAN)**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN : 5

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan dasar pertukaran kad pengenalan merah ke
biru kepada golongan yang berkecualan berdasarkan pengumuman YAB
Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan pemastautin tetap ataupun MyPR yang berumur 60 tahun ke atas adalah tertakluk kepada pematuhan syarat seperti mana di peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini pertimbangan bagi setiap permohonan adalah berdasarkan kepada prosedur operasi standard ataupun SOP yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:

(i) memenuhi tempoh permastautinan yang dikira daripada pemegang MyPR seperti berikut:

- (a) dua tahun bagi permohonan di bawah perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan oleh isteri kepada warganegara Malaysia; atau
- (b) tujuh tahun bagi permohonan di bawah perkara 16 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 18 tahun dan ke atas yang mengemukakan sijil kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka atau 12 tahun bagi permohonan di bawah perkara 19 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 21 tahun dan ke atas.

(ii) mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang diukur melalui tiga komponen ujian pengetahuan bahasa Melayu atau UPBM iaitu lisan, membaca dan menulis. Dalam hal ini pemohon berumur 60 tahun dan ke atas diberikan kelonggaran seperti berikut iaitu selaras dengan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;

- (a) dikecualikan daripada menjalani komponen membaca dan menulis;
- (b) pertimbangan bagi pemohon yang mendapat gred terendah dalam UPBM; dan
- (c) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia.

Dalam hal ini pemohon berumur 60 tahun dan ke atas yang gagal tapisan keselamatan masih dipertimbangkan untuk dianugerahkan kewarganegaraan sekiranya kesalahan dilakukan lebih 20 tahun yang lalu dan bukan dalam kategori jenayah berat, jenayah profesional atau jenayah terancang. Perlu ditegaskan bahawa para pemohon yang telah mendapat kelulusan perlu hadir di Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengangkat sumpah selaras dengan jadual pertama.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada juga pemohon-pemohon yang telah mendapat surat kelulusan ini, mereka beranggapan bahawa mereka telah secara automatik dianugerahkan kewarganegaraan, sebenarnya itu tidak benar. Apa yang penting setelah mereka mendapat kelulusan ini, mereka masih perlu untuk hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara bagi proses mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan sijil kewarganegaraan. Dalam hal ini kad pengenalan MyKad hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai sijil tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk mengatasi masalah OKU yang tidak dapat peluang pekerjaan, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah pekerjaan untuk golongan OKU yang ingin bekerja dan berdikari.

PR-1412-L01454

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dari semasa ke semasa membantu rakyat Malaysia meningkat taraf sosio-ekonomi melalui penawaran peluang-peluang pekerjaan dan latihan kemahiran kepada golongan rentan (*vulnerable group*) termasuk Orang Kurang Upaya (OKU). KSM juga menyelaraskan tanggungjawab semua peranan jabatan dan agensi di bawah kementerian dan mempengerusikan Jawatankuasa Pekerjaan bagi Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) menggalakkan majikan memberi peluang pekerjaan kepada OKU. Manakala Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berfungsi sebagai menjaga hak dan kebajikan dari aspek penggajian melalui Akta Kerja 1955 (Akta 265).

2. Dalam sektor awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menggalakkan pengambilan OKU sekurang-kurangnya satu(1) peratus dalam perkhidmatan awam. JPA juga telah menguatkuasakan Dasar Satu Peratus pengambilan kakitangan awam kepada semua kementerian/jabatan/agensi selaras dengan pekeling tersebut. Manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Awam(SPA) juga telah menambah baik proses dan prosedur temuduga/pengambilan OKU yang bersesuaian untuk calon OKU sebagai penjawat awam.

3. Kerjasama KSM bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa dijalankan bagi melaksanakan program penempatan pekerjaan yang dikhususkan kepada golongan OKU. Di samping itu, Pusat *JobsMalaysia* (JMC) negeri juga akan terus berusaha meningkatkan dan menambahbaikkan keberkesanan serta mengoptimumkan penempatan pekerjaan dalam kalangan OKU. Berdasarkan laporan penempatan JMC sehingga September 2018, seramai 537 orang terdiri daripada 350 lelaki dan 187 wanita orang kurang upaya (OKU) telah berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan.

4. Kerajaan melalui KSM komited untuk meneruskan program Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGPOKU). Peruntukkan sebanyak RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tempoh 2016 hingga 2020 bagi membantu usahawan-usahawan OKU yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan menerusi pemberian geran perniagaan yang bertujuan meningkatkan penyertaan OKU dalam perniagaan seterusnya penggajian OKU. Sehingga 30 September 2018, seramai 54 orang OKU yang telah berjaya dibantu oleh Kementerian melalui geran ini untuk tahun 2018.

5. Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan OKU *Talent Enhancement Programme* (OTEP SCHEME) pada Ogos 2016. Program ini menyediakan geran latihan khusus kepada majikan yang menggajikan OKU yang berdaftar dengan PSMB. Majikan layak menuntut geran sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh 3 bulan

pertama bagi setiap OKU yang telah diambil bekerja meliputi yuran kursus dan peralatan/bahan semasa menghadiri kursus.

6. KSM melalui Jawatankuasa Pekerjaan di Bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya(MBOKU) sentiasa memberi keutamaan untuk meningkatkan hak dan insentif penggajian OKU melalui Karnival Kerjaya Khas OKU, pada setiap tahun bertujuan pepadanan pekerjaan oku dengan majikan yang berminat menggajikan OKU. Karnival kerjaya yang yang dianjurkan telah juga diberi nilai tambah dengan pendedahan peluang latihan dan kemahiran serta keusahawanan. Penggajian OKU di bawah suatu kontrak perkhidmatan menikmati feadah dan perlindungan yang sama di bawah perundangan perburuhan sebagaimana ditakrifkan di bawah Jadual Pertama, Akta 265. JTK juga menjalankan aktiviti penempatan pekerjaan untuk OKU serta memberi peluang peniaga Orang Kurang Upaya (OKU) membesarkan perniagaan melalui Skim Bantuan Perniagaan Orang Kurang Upaya(SGPOKU).

SOALAN NO. 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN : 7

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk merombak semula sistem pilihan raya sedia ada dan melaksanakan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya yang sedia ada supaya ia adalah selaras dengan prinsip “*One man, One Vote, One Value*’.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya akan sentiasa berpegang kepada empat prinsip persempadanan seperti mana yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan**. Berhubung dengan isu ketidakseimbangan jumlah pemilih dalam sesebuah bahagian pilihan raya, Perlembagaan Persekutuan memberi panduan kepada isu tersebut dengan mengambil kira faktor geografi dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan luar bandar dan pedalaman seperti mana yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 2(c), Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan** seperti berikut:

“(c) bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu Negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa, dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang dihadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar, ukuran pewajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada bahagian-bahagian pilihan raya;”

Sesuai dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan tersebut, pewujudan bahagian-bahagian pilihan raya adalah **tidak bergantung sepenuhnya kepada jumlah pemilih** tetapi **keadaan-keadaan khas atau “*special circumstances*”** yang wujud di setiap bahagian pilihan raya tersebut juga turut dititik beratkan dan diberi perhatian. Antara faktor-faktor yang dinilai oleh SPR berkaitan perkara tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Keadaan geografi dan topografi kawasan berkenaan;
- (ii) Tahap pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat;
- (iii) Keadaan demografi, kepadatan penduduk dan bilangan pemilih; dan
- (iv) Kemudahan asas infrastruktur seperti jalan raya dan sistem komunikasi.

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan boleh dimulakan melalui **dua kaedah** seperti berikut:

- (i) **Berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri; dan**
- (ii) **Tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya.**

Dalam hal ini, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan **Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025** manakala **Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026.**

Oleh yang demikian, sekiranya kajian semula persempadanan hendak dilaksanakan sebelum pilihan raya umum akan datang yang **dijangka selewat-lewatnya pada tahun 2023, Kerajaan perlu meminda peruntukan undang-undang di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan** berkaitan dengan lat tempoh minimum suatu kajian semula persempadanan atau **meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat.** Kedua-dua pindaan undang-undang ini **perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.** Oleh itu, pihak Kerajaan akan **meneliti opsyen yang terbaik berhubung perkara ini.**

SPR juga **sedang meneliti sistem pilihan raya sedia ada dan kesesuaian sistem-sistem pilihan raya yang lain.** Di samping itu, SPR juga **mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee – ERC*)** dan juga mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Parlimen berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (2012), masyarakat sivil, badan bukan Kerajaan, parti-parti politik dan ahli-ahli akademik berkaitan cadangan penambahbaikan sistem pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 21.11.2018 (RABU)

SOALAN NO. 8

Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memberi peruntukan kewangan untuk membiayai penuh segala kos perbelanjaan dan keperluan untuk pelajar-pelajar yang dipilih menyertai pertandingan sekolah diperingkat nasional dalam bidang seni dan kebudayaan, perbahasan, sukan dan aktiviti-aktiviti yang lain memandangkan di Sabah, pelajar-pelajar tersebut setiap kali perlu merayu-rayu mencari dana untuk menampung segala kos untuk menyertai pertandingan-pertandingan tersebut. Tambahan, pelajar-pelajar tersebut terpaksa membayar kos tambang kapal terbang ke Semenanjung Malaysia dan penginapan di mana kebanyakan pertandingan diadakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan keperluan peruntukan di setiap peringkat termasuk di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah. Peruntukan dibida pada setiap tahun mengambil kira keperluan di setiap peringkat pendidikan semasa pemeriksaan bajet tahunan dengan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan termasuk peruntukan kokurikulum yang disalurkan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diluluskan. Pada masa yang sama, jumlah peruntukan kokurikulum kepada JPN adalah berbeza-beza mengikut saiz negeri, enrolmen murid, dan beberapa faktor-faktor lain berdasarkan saiz JPN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyediakan peruntukan Bantuan Sukan Sekolah (BSS), Yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK). Pada Tahun 2018, negeri Sabah diperuntukkan RM2,415,384.00 bantuan BSS, RM1,316,770.00 bantuan MSSM dan RM3,978,039.60 bantuan BKK. Bagi kejohanan MSSM peringkat kebangsaan, kos penginapan disediakan sepenuhnya oleh negeri pengelola melalui peruntukan yang diturunkan oleh KPM. Bagi Negeri Sabah, KPM telah menurunkan peruntukan tambahan kepada JPN Sabah sebanyak RM50,000.00 bagi kejohanan MSSM Penggal 1 dan RM60,000.00 pada kejohanan MSSM Penggal 2 untuk menampung kos penyertaan negeri Sabah ke kejohanan MSSM tahun 2018.

Sekian, terima kasih

RJM108

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian Kesihatan berhasrat untuk membina Hospital Pakar di daerah Hulu Selangor.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Daerah Hulu Selangor telahpun mempunyai sebuah hospital iaitu Hospital Kuala Kubu Bharu. Ia merupakan sebuah hospital tanpa pakar dengan kapasiti 120 katil. Kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*, BOR) (dengan izin) pada tahun 2017 ialah sebanyak 46.88%. Hospital Kuala Kubu Bharu kini sedang giat dinaiktaraf infrastrukturnya seperti menaiktaraf sistem gas perubatan serta bekalan air bersih untuk hospital yang telahpun diluluskan pelaksanaannya dalam *Rolling Plan* ketiga RMK-11. Selain itu, beberapa cadangan penambahbaikan infrastruktur yang lain seperti menaiktaraf Jabatan Kecemasan dan Klinik Pakar akan dipohon dalam RMK seterusnya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada pesakit dan kakitangan terjamin selain sebagai persediaan untuk melaksanakan program lawatan pakar melalui projek kluster bersama Hospital Selayang. Oleh yang demikian, buat masa ini, pihak Kerajaan belum bercadang untuk membina sebuah hospital berpakar baharu di daerah tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK B. SHAARY
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN : 10

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan nisbah warden dengan penghuni bagi setiap
penjara. Mohon dinyatakan usaha reformasi penjara di Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah perbandingan pegawai penjara (warden) dengan banduan di setiap penjara adalah pada nisbah seorang pegawai penjara kepada 3 hingga 5 orang banduan. Kadar ini berubah berasaskan kepada kategori keselamatan penjara, kategori banduan serta keperluan dalam bentuk melaksanakan pelbagai program latihan dan pemulihan banduan.

Jabatan Penjara Malaysia dari semasa ke semasa menjalankan kajian mengenai kesesuaian nisbah pegawai penjara dengan banduan bagi memastikan keperluan dan penempatan pegawai adalah selaras dengan tahap keselamatan penjara, kategori banduan sesebuah penjara dan keperluan pemulihan.

Bagi perkembangan berhubung reformasi penjara, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia pada masa kini sedang dalam proses penyediaan kerangka reformasi sistem penjara. Kerangka tersebut telah menggariskan penambahbaikan beberapa skop utama iaitu pengupayaan (empowerment) kakitangan/pegawai penjara, aspek layanan, pemulihan serta keselamatan banduan, reintegrasi ke dalam masyarakat, penambahbaikan infrastruktur penjara, penglibatan komuniti dalam program reintegrasi, inspektorat pengurusan kepenjaraan dan penambahbaikan perundangan.

Selain daripada skop di atas, kerangka tersebut turut menekankan aspek pendekatan dan pelaksanaan latihan serta pemulihan yang diberikan kepada banduan sama ada di dalam mahupun di luar penjara. Ini termasuklah hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu membolehkan 2/3 daripada banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara menjelang 2030. Setakat ini pelaksanaan program pemulihan di luar

penjara melalui Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni mempunyai kesan yang amat positif dengan kadar residivis kurang dari 0.5%.

Penambahbaikan yang digariskan di dalam kerangka reformasi tersebut merupakan cadangan dan isu yang telah dibangkitkan semasa persidangan Parlimen serta melalui sesi lawatan dan pemeriksaan oleh Jawatankuasa Khas Parlimen (*Parliament Caucus*), *Working Group on Arbitrary Detention* (WGAD), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), *International Committee of the Red Cross* (ICRC), Lembaga Hakim Pelawat Penjara dan melalui aduan yang diterima.

Justeru itu, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia akan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi, serta Badan bukan Kerajaan bagi memastikan perancangan di bawah reformasi ini diperhalusi sebelum pelaksanaannya, agar kebajikan banduan termasuk kakitangan penjara terjamin pada masa depan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN
[RANAU]**

TARIKH : 21.11.2018 (RABU)

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan Kerajaan Persekutuan di masa lalu pernah menyediakan dana untuk program menyeragamkan harga-harga barangan keperluan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang bertujuan menurunkan kos sara hidup. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan semula program tersebut dan jika tidak ada, apakah inisiatif lain yang akan diperkenalkan untuk membantu menurunkan kos sara hidup rakyat di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat perbezaan harga barangan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Perbezaan harga barangan ini terutamanya disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi kerana jarak yang jauh ke kawasan terpencil, faktor kemudahan infrastruktur perhubungan yang kurang baik dan bentuk muka bumi.

Bagi mengurangkan jurang perbezaan harga barangan asas di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Kerajaan melaksanakan Program 1Malaysia 1Harga. Kerajaan membuat bayaran insentif kepada pengilang/pengeluar tepung gandum, minyak masak dan gula supaya pengedar dan pemborong terlibat dapat membekalkan barang tersebut pada harga runcit sama seperti yang ditawarkan di Semenanjung.

Pada masa yang sama, Kerajaan turut melaksanakan Program Penyeragaman Harga sejak dari tahun 2009 sehingga kini. Melalui Program ini, Kerajaan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti beras, tepung gandum, minyak masak paket 1kg, gula pasir, gas petroleum cecair (gas memasak), petrol RON95 dan diesel ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Hasilnya, penduduk-penduduk di kawasan pedalaman boleh membeli barangan asas tersebut pada harga yang sama seperti di bandar.

Kerajaan akan meneruskan inisiatif-inisiatif tersebut bagi membantu mengurangkan kos sara hidup di kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN : 12

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek-projek pembinaan jalan di kawasan Kapit, Song dan Kanowit di Sarawak yang telah diluluskan seperti berikut iaitu projek Pembinaan Jalan Nanga Tada, Kanowit / SK Nanga Beguang / Sg. Iran, Song; Projek Pembinaan Jalan dan Jambatan , Nanga Ngemah / Ngungun, sepanjang 5.1KM; Projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di Negeri Sarawak (fasa iv)- Bahagian Kapit; dan Projek pembinaan Jambatan Kedua Sungai Yong, Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ng. Kabah/ SK Beguang/ Sg Song, Kapit (Fasa 1) sepanjang 16 km sedang dalam peringkat rekabentuk dan dijangka akan ditender secara tender terbuka pada bulan April 2019 dengan anggaran kos RM116.5 juta. Tempoh jangkaan pembinaan adalah di antara 24 sehingga 30 bulan.

Manakala, bagi Projek Jalan Song-Kapit, Section B: Ngemah Temalat (Pakej 2) dan Projek Jalan Balak Negeri Sarawak (Fasa 4) hanya dibenarkan pelaksanaannya dari segi kerja-kerja awalan sahaja seperti lantikan khidmat perunding, jurukur sehingga ke peringkat rekabentuk, telah dipatuhi selaras dengan arahan Kementerian Kewangan bertarikh 27 Ogos 2018.

Manakala bagi fasa projek yang melibatkan implikasi kewangan yang tinggi seperti pengambilan balik tanah, pelawaan tender dan kerja-kerja fizikal pembinaan akan ditangguhkan dan dimohon semula dalam Rancangan Malaysia yang akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Jambatan Kedua Sg. Yong, Kapit, Sarawak akan diteruskan pelaksanaannya dan dijangka tender pada bulan Disember 2018 dengan anggaran kos RM25 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN : 13

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menghapuskan senarai *blacklist* terhadap mereka yang telah diisytiharkan bankrap termasuk si penjamin kerana mereka juga menikmati arus kemajuan dalam negara dan bukan terus berada dalam situasi bankrap sepanjang hayat.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN,
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini tidak berhasrat untuk menghapuskan senarai *blacklisted* kepada mereka yang diisytiharkan bankrap termasuk penjamin. Ini kerana selagi mana seseorang individu tersebut dalam perintah kebangkrapan, ianya masih tertakluk dengan syarat dan peraturan di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

Kerajaan juga memberi jaminan mutlak kepada penjamin sosial bagi pelepasan melalui Mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360 di mana pemiutang tidak boleh membantah permohonan pelepasan bankrap sekiranya dibankrapkan atas sebab sebagai penjamin sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga turut membantu bankrap untuk keluar daripada perintah kebangkrapan dengan mewujudkan satu lagi peruntukan baru bagi menambahbaik peruntukan sedia ada iaitu Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 yang telah dipinda dan berkuatkuasa mulai 6 Oktober 2017. Pelepasan automatik ini boleh dipohon dengan syarat berikut telah dipenuhi iaitu:

- (i) pemfailan Penyataan Hal Ehwal selepas 3 tahun;
- (ii) sasaran sumbangan yang ditetapkan dicapai; dan

- (iii) penyata pendapatan dan perbelanjaan difailkan di bawah seksyen 38(1)(b) Akta Insolvensi 1967.

Sebelum akta ini dipinda hanya terdapat 3 cara sahaja bagi seseorang itu dilepaskan dari kebangkrapan iaitu :

- (i) Pelepasan Melalui Perintah Mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360; dan
- (iii) Pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360.

Pindaan akta sedia ada melalui penambahbaikan peruntukan ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam membantu golongan-golongan ini untuk terus menikmati arus kemajuan dan tidak terus berada dalam situasi bankrap sepanjang hayat.

Kerajaan juga telah memperkenalkan satu lagi alternatif peruntukan bagi membantu penjamin bagi menyelesaikan hutang tanpa dibankrapkan iaitu seksyen 5(3) Akta 360. Peruntukan ini memberi jaminan kepada penjamin sosial (bukan dengan tujuan membuat keuntungan) daripada terus dibankrapkan malahan mewujudkan perlindungan mutlak daripada tindakan prosiding kebangkrapan.

Mekanisme Penyelamat (*Rescue Mechanism*) iaitu skim komposisi atau penyusunan semula hutang sebelum perintah kebangkrapan dimasukkan

atau dikuatkuasakan juga diwujudkan. Mekanisme ini memberi peluang kepada penghutang untuk menyusun semula hutang dengan kerjasama pemiutang atau institusi kewangan dan juga dengan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan *nominee* yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini proses naturalisasi melalui pelan rombakan semula pertubuhan belia dan sejauh mana pendirian kerajaan untuk menurunkan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun serta keterbukaan kerajaan dalam menerima kritikan persatuan belia tanpa sebarang sekatan tertentu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu perjumpaan KBS dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah diadakan pada 13 Ogos 2018 lalu bagi melaksanakan proses neutralisasi persatuan belia. Dalam perjumpaan tersebut, MBM pada dasarnya bersetuju dengan proses neutralisasi ini tetapi bakal mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan di semua peringkat persatuan belia. Tempoh masa yang panjang ini adalah disebabkan oleh ketidakseragaman perlembagaan persatuan belia peringkat negeri dan daerah serta tindakan untuk selarikan perlembagaan tersebut dengan perlembagaan MBM. KBS juga memohon supaya Pertubuhan Belia bertindak sebagai kumpulan pendesak yang bersifat *non-partisan*. Proses neutralisasi ini adalah disokong dengan perlembagaan MBM dibawah Fasal IV Perkara 6 yang menyatakan MBM tidak mencampuri dengan kegiatan mana-mana parti politik dan pada 6 Oktober 2018 lalu, Pemilihan Majlis Perhimpunan Agung Tahunan MBM telah menyaksikan bahawa perubahan ke arah *non-partisan* telah berjalan. KBS juga meletakkan transisi peralihan neutralisasi kepada semua pertubuhan belia sehingga 2020. Menerusi pemilihan tersebut juga sebanyak 21 post telah dipertandingkan dengan pecahan umur di bawah 30 tahun sebanyak enam (6) orang dan bawah 40 tahun sebanyak lima belas (15) orang.
2. Kementerian telah merancang lima (5) Strategi Utama bagi memastikan pelan peralihan kepimpinan belia berlangsung dengan jayanya. Strategi tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Menggerakkan pewujudan Pelan Peralihan Kepimpinan semua pertubuhan belia berdaftar di bawah akta pertubuhan belia dan pembangunan belia 2007. Sejajar dengan keputusan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Belia pada 5 November 2014 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 April 2015 telah bersetuju supaya satu pelan peralihan kepimpinan dilaksanakan. Sehingga Februari 2018, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah mengumpul maklum balas data seramai 9515 orang pemegang

jawatan dalam persatuan yang merangkumi 65.8 % dari jumlah keseluruhan adalah diterajui oleh pemimpin belia di bawah umur 30 tahun

- b. Melaksanakan program insentif pembangunan pemimpin pelapis pertubuhan. Pihak Kementerian telah bekerjasama dengan Majlis Belia Malaysia dalam melahirkan lebih ramai pelapis pemimpin muda melalui pelaksanaan program MIB300 yang menyasarkan peserta berumur 16 tahun sehingga 24 tahun. Pelaksanaan MIB300 pada tahun 2018 sudah memasuki dalam fasa ketiga dan proses latihan sedang berjalan bagi melahirkan pelapis pemimpin belia.
- c. Meningkatkan “*pool of talent*” pemimpin pelapis persatuan belia. KBS telah melaksanakan program-program kepimpinan, pengurusan, kesukarelawanan, kejurulatihan belia dan program antarabangsa yang fokus kepada meningkatkan “*pool of talent*”. Program-program tersebut adalah seperti Kursus Kepimpinan Organisasi Tahap 1,2 & 3, Kursus Pengurusan Acara, Anugerah Remaja Perdana (ARP), Parlimen Belia Malaysia dan Kem Pemantapan Pemimpin Muda dengan penyertaan secara keseluruhan seramai 28,308 orang.
- d. Penguatkuasaan akta pertubuhan belia dan pembangunan belia 2007 (akta 668). Akta ini sedang dipinda oleh KBS dan Sesi Engagement bersama Persatuan Belia sebanyak Tujuh (7) Siri telah dilaksanakan di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan input dari akar umbi berkenaan pindaan akta ini.
- e. Mewujudkan badan penasihat kepimpinan belia sebagai badan profesional (pengiktirafan kepada bekas pemimpin pertubuhan belia dan bekas pegawai belia dan sukan) melalui penubuhan Federasi Pekerja Belia dan telah wujud sejak tahun 2017.

3. Selain itu, Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia yang bertanggungjawab dalam urusan mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia. Seperti mana didalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (2007) Akta 668 Bahagian V Majlis Perundingan Belia Seksyen 36 Fungsi Majlis adalah bertindak sebagai badan perunding dalam hal yang berhubungan dengan pembangunan belia.
4. Komposisi Majlis Perundingan Belia meliputi suara pertubuhan belia secara amnya sehingga ke peringkat akar umbi (negeri dan daerah) bagi memastikan isu – isu berkaitan belia dan perancangan polisi pembangunan belia di garap dengan tersusun, menyeluruh dan efektif. Tiada sekatan tertentu dikenakan terhadap pertubuhan belia selagi mana pertubuhan belia menjalankan fungsi/peranan sebagai entiti yang menjalankan aktiviti belia dan pembangunan belia secara komprehensif dan selaras dengan kehendak Akta 668 seperti mana seksyen 31.
5. Kerajaan terbuka dengan cadangan, penambahbaikan dan kritikan dari persatuan belia dalam hal berkaitan dengan pembangunan belia sejajar dengan konsep Malaysia Baharu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan polisi dan hala tuju Kementerian berkenaan usaha untuk mengurangkan pergantungannya terhadap pekerja asing. Apakah Kementerian akan mengambil langkah-langkah pelaksanaan dan perubahan dasar secara beransur-ansur agar tidak membawa kesan atau impak ketara kepada ekonomi negara.

PR-1412-L02494

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan sentiasa proaktif dalam mengambil langkah mengurangkan kebergantungan pekerja asing serta memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara. Selaras dengan itu, antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2020 sepertimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-11;
- (ii) mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan;
- (iii) penggajian pekerja asing diluluskan kepada 7 sektor sahaja iaitu, sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja *resort* pulau peranginan, hotel, kedi, spa,urut kaki, pembantu taman tema haiwan, kargo (pelabuhan dan

lapangan terbang) dan perlombongan yang melibatkan pekerjaan asas serta pekhidmat domestik;

- (iv) hanya majikan berkeupayaan (*genuine*) dan mematuhi standard perburuhan seperti pematuhan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan memohon pekerja asing. Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan JTK;
- (v) menggalakkan sektor-sektor berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (vi) menetapkan *ratio* pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan (kelapa sawit), keluasan tanah 8 hektar untuk 1 pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk 1 pekerja. Manakala, untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam sub sektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja warganegara bagi 1 pekerja asing;

- (vii) pelaksanaan Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017 yang mengehendaki majikan bertanggung jawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan, penggajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal;
- (viii) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme IBS dalam sektor pembinaan, restoran berkonsepkan *self service* dan sebagainya;
- (ix) memperkenalkan Sistem Latihan *Dual* Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan; dan
- (x) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan.

2. Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji secara holistik berkenaan pengurusan pekerja asing di Malaysia melalui penubuhan Jawatankuasa Bebas Pekerja Asing. Pada masa ini, Jawatankuasa tersebut sedang mengadakan sesi *Town Hall* bersama pihak-pihak

berkepentingan untuk mengumpul input supaya satu hala tuju baharu boleh dibentuk dan dicadangkan kepada Jemaah Menteri berhubung penambahbaikan dasar pekerja asing. Perubahan dasar pengurusan pekerja asing akan mengambil kira pelbagai aspek dari segi kepentingan ekonomi dan sosial serta keperluan pihak-pihak berkepentingan negara dan penilaian antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
15 OKTOBER HINGGA 11 DISEMBER 2018

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG
[KANOWIT]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN :

minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah sebenarnya tujuan Kementerian untuk menyekat pekebun kecil orang asal (natives) di Sarawak membangunkan tanah NCR mereka dengan tanaman sawit dan lain-lain. Adakah itu bermakna peruntukan subsidi dari Kementerian untuk membantu pekebun kecil (sawit, getah, lada, koko) akan atau sudah dihapuskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak menyekat pekebun kecil di Sarawak untuk mengusahakan tanaman sawit, getah, lada dan koko di tanah NCR mereka. Walau bagaimanapun, ia perlu dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Ini kerana hal berkaitan pemilikan dan penggunaan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Bagi permohonan bantuan tanaman sawit di tanah NCR, pertimbangan kelulusan adalah tertakluk kepada status tanah NCR yang telah disahkan oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) atau Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) atau Jawatankuasa Sehenti di bawah Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) serta Ketua Masyarakat yang diberi kuasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi sektor getah, status dan pengesahan tanah NCR ini diamanahkan kepada penghulu/Tuai Rumah/Ketua Kaum dan menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan tanah pemohon adalah tanah NCR yang sah. Agensi pelaksana juga disarankan oleh JTS untuk memberikan fokus pembangunan sektor komoditi di kawasan tanah NCR sama ada yang telah diwartakan (*Gazetted NCR Area*) atau sedang dalam penyukatan untuk diwartakan kerana tanah ini juga layak diberikan bantuan.

Negeri Sarawak telah diperuntukkan keluasan sebanyak 8,000 hingga 10,000 hektar setiap tahun dengan jumlah bantuan bernilai RM13,500/ha/5 tahun di bawah RMK 10 dan RMK 11. Pengagihan peruntukan ini dilaksanakan oleh pihak JPS untuk penanaman baharu dan pihak RISDA untuk program penanaman semula getah. Lebih 90% kawasan pelaksanaan program penanaman baharu dan semula dilaksanakan di kawasan tanah NCR secara mini estet dan juga individu bagi penanaman semula oleh RISDA. Lembaga Getah Malaysia (LGM) sebagai agensi pakar telah membantu dari segi teknikal dan latihan kepada agensi dan pekebun kecil yang terlibat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi sektor lada pula, Kementerian tidak mempunyai sebarang halangan untuk mempertimbangkan permohonan bantuan/subsidi sekiranya pekebun kecil orang asal (*natives*) di Sarawak ingin mengusahakan tanaman lada di tanah NCR dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Pelbagai bantuan disediakan di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada 2018 berjumlah RM10 juta yang dilaksanakan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi sektor koko pula, pengesahan daripada dua pihak sama ada Pejabat Tanah / Pegawai Pertanian / Pegawai Daerah / Penghulu/ Ketua Kampung/ Tuai Rumah perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum pekebun kecil orang asal (*natives*) di Sarawak dibenarkan untuk membangunkan tanah NCR mereka dengan tanaman koko. Kerajaan juga akan terus membantu pekebun kecil koko termasuk orang asal (*natives*) melalui program peningkatan produktiviti koko dan tanaman baharu koko di bawah Lembaga Koko Malaysia (LKM).

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 21.11.2018 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status serta perancangan Kementerian bagi memastikan penyambungan segera bekalan elektrik untuk 20 buah sekolah di Saratok yang rata-ratanya terletak kurang dari 50 meter dari grid utama elektrik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik ke talian grid awam bagi sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak secara berperingkat mulai tahun 2018 hingga 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak tujuh (7) buah sekolah di daerah Saratok, Sarawak telah dikenal pasti untuk cadangan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik ke talian grid awam. Bagi sekolah-sekolah yang terletak jauh daripada talian grid awam, bekalan elektrik melalui penggoperasian set janakuasa (genset) akan diteruskan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang keburukan arak dan bagi mengurangkan pengambilan minuman yang memabukkan itu dalam kalangan masyarakat .

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan Pelan Tindakan Alkohol, Pencegahan dan Pengurangan Kemudaratatan Alkohol bagi tahun 2013 hingga 2020. Di dalam pelan tindakan ini telah menggariskan strategi dan aktiviti pencegahan dan kawalan kemudaratatan berkaitan pengambilan alkohol berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) bagi mengurangkan masalah kesihatan dan sosial akibat pengambilan alkohol ini. Matlamat yang telah ditetapkan di dalam Pelan Tindakan Alkohol ini adalah supaya rakyat Malaysia menjadi celik kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat iaitu "SIHAT TANPA ALKOHOL" untuk mencegah dan mengurangkan kemudaratatan alkohol kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Di dalam pelan ini juga digariskan kordinasi aktiviti pencegahan dan kawalan kemudaratatan alkohol bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Dalam Negeri (Polis DiRaja Malaysia (trafik) yang menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu larangan memandu di bawah pengaruh alkohol, Larangan pengiklanan siaran kerajaan dan larangan iklan media cetak untuk akhbar berbahasa Melayu, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Akta Eksais dan Peraturan-peraturan Penjualan Likuor yang memabukkan, Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan peraturan-peraturan berkaitan lesen premis perniagaan, waktu jualan minuman beralkohol dan mengurus dan memantau kebersihan premis menjual minuman beralkohol, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (melalui Jabatan Agama Islam Negeri) yang mentabir isu berkaitan meminum alkohol dalam kalangan umat Islam, dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula bertanggungjawab dalam menganjur dan menyedarkan masyarakat berkaitan amalan gaya hidup

sihat iaitu "SIHAT TANPA ALKOHOL", menyediakan perkhidmatan saringan dan intervensi alkohol di fasiliti-fasiliti kesihatan dan juga aktiviti saringan dan intervensi di dalam komuniti seperti di perkampungan Orang Asli dan juga penempatan yang mempunyai masyarakat yang mengamalkan peminuman alkohol terutamanya di Sabah dan Sarawak. Selain itu, KKM juga mengawal kebolehdapatan minuman beralkohol ini dengan menguatkuasakan Akta Makanan 1983 di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 (Pindaan 2016) dengan melarang penjualan minuman beralkohol kepada mereka yang berumur bawah 21 tahun, pengasingan minuman beralkohol dengan makanan-makanan yang lain, mewajibkan tanda amaran kesihatan pada setiap pembungkusan minuman beralkohol dan juga pematuhan perlabelan pada pembungkusan minuman tersebut.

Sebagai penambahbaikan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mempertingkatkan usaha menyedarkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat "SIHAT TANPA ALKOHOL" melalui pelbagai *platform* dan media iaitu melalui media konvensional, media sosial, penerbitan bahan pendidikan melalui laman web www.infosihat.gov.my dan www.myhealth.gov.my serta menyediakan perkhidmatan saringan dan intervensi alkohol yang berkualiti. KKM juga akan mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 Peraturan-peraturan Makanan (Pindaan 2016) 1985 dalam mengawal kebolehdapatan minuman beralkohol kepada masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 19

Y.B. PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian maklum akan nasib 500 orang pelajar yang mendapat tajaan 1MDB untuk melanjutkan pelajaran dan sekarang mungkin masih belum selesai belajar. Apakah perancangan untuk mereka agar mereka dapat meneruskan pelajaran memandangkan kebanyakan dari mereka masih dalam tahun akhir pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, urusan berkaitan penajaan biasiswa adalah diuruskan oleh Yayasan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang memerlukan sekurang-kurangnya tiga Pemegang Amanah. Walau bagaimanapun, pada masa ini Yayasan 1MDB hanya mempunyai seorang Pemegang Amanah, iaitu YBhg. Dato' Asri Hamidon di atas kapasitinya sebagai Pengerusi 1MDB.

Justeru itu, bagi memastikan Yayasan 1MDB dapat beroperasi seperti biasa, 1MDB selaku (Settlor) perlu melantik sekurang-kurangnya dua Pemegang Amanah yang baharu. Ini penting bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci berkaitan status kewangan serta status penajaan biasiswa oleh Yayasan 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, seramai 631 pelajar telah diluluskan penajaan biasiswa oleh Yayasan 1MDB, di mana kebanyakannya telah menamatkan pengajian mereka. Berdasarkan maklumat terkini yang masih belum disahkan, terdapat sebanyak kira-kira RM3.4 juta bayaran tunggakan biasiswa yang belum disalurkan kepada kira-kira 162 pelajar di mana sebahagian besarnya melibatkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2009 dan 2010.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR
[TANJONG KARANG]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 20

Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan pengecualian SST ke atas bahan-bahan binaan boleh mengurangkan harga rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model cukai jualan baharu merupakan sistem cukai seperingkat yang hanya dikenakan di peringkat pengimport/pengilang. Skop pengenaan cukai jualan adalah lebih kecil di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna serta bahan mentah kegunaan industri tidak dikenakan cukai jualan. Ini termasuk bahan asas binaan seperti batu-bata, simen, kayu dan sinki yang tidak dikenakan cukai jualan. Sehubungan itu, secara asasnya, pengecualian cukai jualan yang diberi ke atas bahan binaan boleh menyumbang kepada penurunan harga rumah. Sebagai balasan, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) juga telah bersetuju untuk mengurangkan sebanyak 10% harga rumah yang tidak tertakluk kepada kawalan harga untuk projek baharu. Dengan ini, ia diharapkan dapat membantu para pembeli. Walau bagaimanapun, banyak faktor lain selain faktor cukai yang boleh mempengaruhi penentuan harga rumah seperti kos pembelian tanah, kos pembinaan, kos pematuhan dan kos pembiayaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L
M.PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN : 21

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) adakah Kementerian mempunyai pelan untuk menaikkan cuti tanpa rekod "*paternity leave*" kepada golongan bapa yang baru mendapat cahaya mata bagi kakitangan Kerajaan; dan
- b) adakah cuti tanpa rekod "*paternity leave*" juga akan dikuatkuasakan kepada pekerja swasta.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pertanyaan berkenaan “*paternity leave*” untuk golongan bapa dalam perkhidmatan awam, Kemudahan Cuti Isteri Bersalin telah diperuntukkan kepada anggota perkhidmatan awam selama tiga (3) hari bagi membantu urusan isteri bersalin mulai 1 Januari 1992 dan kemudahan ini telah ditambahbaik mulai 1 Januari 2003 dengan menaikkan kadar cuti daripada tiga (3) hari kepada tujuh (7) hari.

Walaupun cuti ini diberikan untuk menjaga kebajikan pegawai, namun perlu juga mengambil kira kepentingan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu, kemudahan cuti sedia ada selama tujuh (7) hari adalah mencukupi untuk pegawai selesai membantu urusan isteri bersalin. Sekiranya cuti yang diberikan ini tidak mencukupi, pegawai boleh menggunakan Cuti Rehat yang berkecukupan.

Manakala bagi pertanyaan berkenaan cuti *paternity leave* dalam sektor swasta, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia belum mempunyai polisi atau peruntukan undang-undang yang memberi kelayakan *paternity leave* kepada pekerja lelaki atau bapa. Perkara ini adalah tertakluk kepada budi bicara majikan dengan mengambil kira keperluan di organisasi masing-masing. Walau bagaimanapun, cadangan memperuntukkan *paternity leave* di bawah undang-undang buruh sedang dipertimbangkan setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas secara komprehensif daripada *stakeholders* di sektor swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
KAWASAN : AYER HITAM
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status terkini FDI ke Malaysia yang semakin merudum. Apakah penemuan dan cadangan mitigasi yang bakal dibentangkan oleh jawatankuasa konflik perdagangan US-China ditubuhkan oleh Kementerian memandangkan konflik semakin menular dengan tarif import tambahan yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Secara dasarnya, Malaysia sentiasa menjadi antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing. Setakat suku kedua 2018, kedudukan pelaburan langsung asing (FDI Stock) telah direkodkan sebanyak RM590 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6%, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

NO. SOALAN : 22

2. Bagi tempoh tersebut, pecahan kedudukan pelaburan langsung asing (FDI Stock) ke Malaysia adalah seperti berikut:
 - Pembuatan sebanyak RM251.2 juta;
 - Perkhidmatan sebanyak RM283.2 juta;
 - Perlombongan sebanyak RM38.0 juta;
 - Pembinaan sebanyak RM9.2 juta; dan
 - Pertanian, perhutanan dan perikanan sebanyak RM8.7 juta.
3. Data tersebut jelas menunjukkan bahawa meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus kekal kukuh sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan bagi pelaburan asing. Kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan sentiasa berkerja keras bagi memastikan aspirasi kerajaan hari ini dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Yang Dipertua,

4. MITI dan agensi melalui pejabat di luar negara di AS dan RRC juga akan terus memantau perkembangan berkaitan perang perdagangan ini. Antaranya, dari semasa ke semasa akan menilai perkembangan konflik perdagangan yang mempengaruhi aliran perdagangan antara Malaysia dan AS serta Malaysia dan RRC.
5. Pasukan petugas khas konflik perdagangan US-China (*the US-China Taskforce on Trade Conflict*) [dengan izin] kini sedang dalam proses menjalankan soal selidik bersama-sama industri bagi mendapatkan maklum balas dalam merumuskan strategi untuk menangani konflik perdagangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kini, terdapat percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan dan apakah rancangan seterusnya bagi membetulkan masalah ini.

JAWAPAN : **(YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF,**
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau mana-mana institusi Islam di peringkat Persekutuan adalah manifestasi kepada prinsip-prinsip undang-undang yang digariskan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan nas-nas undang-undang.

Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan mempunyai tafsiran yang luas. Sebagai agama bagi Persekutuan, Islam tidak hanya terhad kepada amalan ritual semata-mata, sebaliknya ia adalah sistem kehidupan yang sempurna (al-Din) yang merangkumi semua bidang aktiviti manusia. Di samping itu, Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan juga meletakkan Islam di kedudukan yang istimewa berbanding agama lain.

Fasal (2) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Raja atau Sultan merupakan Ketua agama Islam bagi Negeri-Negeri yang beraja manakala fasal (3) dan (5) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua agama Islam bagi negeri yang tidak beraja. Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia telah membentuk sebuah Majlis Raja-Raja sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Atas prinsip yang sama juga, Majlis Raja-Raja telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Selaras dengan penubuhan MKI, Majlis Raja-Raja juga telah mewujudkan Peraturan MKI bagi menjelaskan keanggotaan, fungsi, kuasa dan tugasnya. Seajar dengan penubuhan MKI, sebuah urusetia dibentuk di Jabatan Perdana Menteri. Urusetia tersebut dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sekarang, setelah melalui beberapa proses evolusi. Peruntukan berkaitan dengan keurusetiaan itu terkandung dalam Peraturan 15 Peraturan MKI seperti berikut: “Kerja pentadbiran

Majlis adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang menguruskan kerja-kerja pentadbiran Majlis itu hendaklah orang-orang yang beragama Islam”.

Selain itu, punca kuasa penubuhan dan peranan JAKIM juga diperuntukkan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 yang dibuat di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]. Peranan JAKIM secara terperinci telah diperuntukkan dalam Jadual kepada Perintah-Perintah tersebut seperti yang berikut:

- (i) Menggubal dasar dan strategi bagi pembangunan hal ehwal Islam
- (ii) Menyelaraskan dan mengawasi ajaran dan aktiviti untuk menjaga kesucian akidah dan Syariah Islam
- (iii) Merancang dan melaksanakan program bagi pembangunan dan kemajuan umat Islam di peringkat negara, serantau dan antarabangsa
- (iv) Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam
- (v) Merancang dan melaksanakan program dakwah dan latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam dan tahfiz al-Quran
- (vi) Menggubal dasar dan strategi bagi pembangunan industri halal
- (vii) Menyelia dan membantu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- (viii) Merancang dan menyelaraskan program pengimaran dan pengurusan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan

NO. SOALAN: 23

- (ix) Urus setia bagi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan
- (x) Urus setia bagi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
- (xi) Urus setia bagi Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI)

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan adakah benar dakwaan yang dibuat oleh sesetengah pihak sebelum PRU-14 bahawa Kementerian Sumber Manusia gagal menjalankan tugas dengan baik bagi menjaga kepentingan rakyat terutamanya golongan pekerja.

PR-1412-L01630

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjaga kepentingan rakyat dalam usaha untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi menyokong usaha ke arah status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.
2. Dalam hubungan ini, Kerajaan memberi fokus kepada beberapa bidang seperti memodenkan perundangan perburuhan, mempertingkatkan jaringan keselamatan sosial pekerja, memperkukuh program pengurusan sumber manusia, meningkatkan kemahiran pekerja (*upskilling*) dan membina semula kemahiran pekerja (*reskilling*).
3. Pemodenan undang-undang perburuhan merangkumi perkara berikut:
 - a. Mewujudkan Akta Majlis Penetapan Gaji 2011 yang membolehkan Kerajaan menetapkan gaji minimum bagi golongan pekerja di Malaysia untuk memastikan keselamatan sosial yang lebih berkualiti;
 - b. Memperkenalkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang menetapkan syarat umur persaraan bagi pekerja sektor swasta

dilanjutkan kepada 60 tahun, setelah mengambil kira jangka hayat rakyat Malaysia;

- c. Mewujudkan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 bagi meluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada sektor informal. Fasa awal inisiatif ini melibatkan penyediaan perlindungan untuk pemandu teksi dan perkhidmatan lain yang serupa;
- d. Meminda secara komprehensif Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 dengan tujuan untuk melindungi pekerja tempatan yang mendapat pekerjaan di luar negara melalui agensi pekerjaan swasta; dan
- e. Memperkenalkan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 membenarkan pewujudan satu skim insurans untuk pekerja yang diberhentikan agar mereka dapat menuntut sebahagian daripada gaji mereka yang diinsuranskan bagi tempoh antara tiga hingga enam bulan. Pekerja yang kehilangan pekerjaan juga akan layak untuk menerima elaun berdasarkan pendapatan yang dikurangkan dan latihan yang dihadiri.

4. Program jaringan keselamatan sosial pekerja telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk melindungi tenaga kerja di Malaysia. Pada tahun 2012, Kerajaan memperkenalkan Perintah Gaji Minimum untuk melindungi pekerja yang berdepan dengan ketidakpastian suasana ekonomi dengan penetapan gaji minima. Dalam usaha menjaga kebajikan pekerja,

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperkenalkan Program Kembali Bekerja (*Return to Work*, RTW) yang menyediakan khidmat sokongan, latihan serta perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada pekerja yang ingin kembali bekerja. Kerajaan turut menubuhkan Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Razak di Ayer Keroh, Melaka pada tahun 2014 bagi mendukung inisiatif RTW dengan menyediakan rawatan dan perkhidmatan pemulihan untuk pekerja yang mengalami kecederaan di tempat kerja atau semasa dalam perjalanan pergi-balik dari tempat kerja. Selain itu, Pusat Penempatan Luar 1Malaysia (*1Malaysia Outplacement Centre*, 1MOC) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) diperkenalkan untuk meningkatkan kebolehgajian pekerja yang diberhentikan. 1MOC ini berperanan sebagai pusat sehati yang menyediakan khidmat nasihat berkaitan perancangan kerjaya serta permohonan dan padanan kerja. Walau bagaimanapun, 1MOC akan dihentikan pelaksanaannya memandangkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) akan memainkan peranan tersebut.

5. Pengurusan sumber manusia yang cekap adalah kunci kejayaan utama bagi semua organisasi. Pusat Pembangunan Sumber Manusia Kebangsaan (NHRDC) ditubuhkan pada 2012 di bawah PSMB bagi menyediakan penyelesaian sumber manusia yang strategik bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk sesi khidmat rundingan secara “*walk-in*” dan Kelab Sumber Manusia dan sesi Mentor *Mentee*. Selain itu, liputan PSMB telah diperluas dari hanya sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Perlombongan dan

Pengkuarian kepada sektor lain untuk memastikan semua pekerja di Malaysia mendapat akses kepada dana latihan ini.

6. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja Malaysia agar bakat yang dibangunkan sejajar dengan keperluan negara berpendapatan tinggi. Kolaborasi bersama pemain industri dengan institusi latihan kemahiran adalah satu keperluan untuk menambahbaikkan latihan tertuari dan vokasional berdasarkan alam pekerjaan sebenar serta memastikan latihan tersebut kekal relevan. Antara pencapaian cemerlang inisiatif ini ialah melalui kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, *German-Malaysian Institute* (GMI) dan Dewan Perniagaan dan Industri *Malaysia-Jerman* (MGCC) dalam pelaksanaan Program Latihan Vokasional Dua Aliran (DVT). Kerajaan turut melaksanakan inisiatif Pengiktirafan Pembelajaran melalui Pengalaman (*Recognition of Prior Experiential Learning*, RPEL) untuk mengiktiraf pengalaman, kemahiran dan kompetensi pekerja Malaysia dengan kelayakan yang berkaitan. Dalam usaha mengembangkan lagi kumpulan bakat tempatan, program Latih dan *Ganti* (*Train and Replace*) dengan tujuan untuk menggantikan pekerja asing berkemahiran dan ekspatriat dengan rakyat Malaysia.

7. Secara tuntasnya pihak Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan rakyat terutamanya golongan pekerja. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan serta ditambah baik bagi memastikan hasil yang memberangsangkan khususnya dalam membantu masyarakat melalui pembangunan modal insan dan menjaga kebajikan pekerja.

Kerajaan sebagai penggubal dasar akan terus memastikan pembangunan modal insan di negara ini berada di tahap yang tinggi seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta pendapatan secara berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO MANSOR B. OTHMAN (NIBONG
TEBAL)**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

RUJUKAN : 11112

SOALAN :

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terkini kes-kes jenayah transnasional (*transnational crimes*) mengikut kategori kes yang dapat dikesan dalam negara dan jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani permasalahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Jenayah rentas sempadan telah menjadi masalah sejagat dan memerlukan penglibatan antara negara untuk mengekang jenayah ini. Di peringkat negara ASEAN terdapat 10 bidang jenayah transnasional yang telah di persetujui untuk tindakan bersama seperti berikut:

- (i) Penyeludupan senjata api (Arms Smuggling)
- (ii) Keganasan (Terrorism)
- (iii) Pengubahan Wang Haram (Money Laundering)
- (iv) Kegiatan Lanun Laut (Sea Piracy)
- (v) Penyeludupan Migran (People Smuggling)
- (vi) Permerdagangan Orang (Trafficking in Persons)
- (vii) Jenayah Siber (Cybercrime)
- (viii) Jenayah Ekonomi Antarabangsa (International Economic rime)
- (ix) Penyeludupan Dadah (Illicit Drug Trafficking)
- (x) Pemerdagangan hidupan liar dan Kayu Balak (Illicit Trafficking of Wildlife and Timber)

Statistik jenayah transnasional yang terletak di bawah kawalan Kementerian seperti berikut:

- (i) Kes Pemerdangan orang bagi tahun 2018 sehingga Julai sejumlah 183 kes.
- (ii) Kes Penyeludupan Migran tahun 2018 sehingga Julai sejumlah 99 kes.
- (iii) Kes Penyeludupan dadah menerusi sempadan negara bagi tahun 2018 sehingga Ogos, sejumlah 47 orang telah ditangkap atas pelbagai kesalahan dadah serta merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM 162.35 Juta.
- (iv) Jumlah senjata api yang dirampas bagi tahun 2018 sehingga Ogos adalah sejumlah 53 laras meliputi semua jenis senjata api.

Langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani jenayah transnasional adalah seperti berikut :

- (i) melaksanakan risikan dan penguatkuasaan bersepadu secara berterusan oleh agensi penguatkuasaan terlibat seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) merancang dan memantau pelaksanaan operasi melalui Jawatankuasa Penguatkuasaan yang ditubuhkan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran; dan
- (iii) pemerkasaan kawalan sempadan dengan penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pengurusan dan operasi penguatkuasaan sempadan seluruh negara.

Usaha negara turut diperkukuhkan melalui kerjasama antarabangsa dan serantau dengan meningkatkan jaringan, perkongsian maklumat dan pembangunan modal insan dalam memastikan jenayah ini dapat dibanteras. Ini termasuk perkongsian amalan terbaik oleh negara-negara bagi melaksanakan obligasi yang telah dipersetujui. Malaysia mengambil berat bahawa jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan landskap jenayah melibatkan isu rentas sempadan yang perlu ditangani secara komprehensif dan kolektif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
(BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berkenaan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu penjualan arak yang dicemari (*'adulterated alcohol'*) dan arak seludup yang telah mengakibatkan jumlah kematian yang baru-baru ini dan apakah cadangan Kerajaan untuk membendung masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang kesemua nya. Siasatan kes ini masih di teruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan pihak Polis segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram. Pihak PDRM telah mengadakan perbincangan untuk menyelaraskan tindakan yang diambil dengan agensi yang terlibat.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama-sama agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

Pihak JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga pihak PDRM dan Kastam telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu ini akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO.27

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pecahan kos PLKN dan BTN secara terperinci dari tahun 2008-2018, aktiviti yang dilaksanakan serta rancangan Kementerian untuk menggantikan program-program tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga sedang merangka program baru bagi menggantikan program PLKN dan BTN. Program ini dirangka secara holistik dengan menggabungkan aktiviti *indoor* dan *outdoor* berimpak tinggi untuk menyerlahkan potensi anak muda sebagai rakan strategik dalam membangunkan negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Program ini akan memantapkan elemen seperti berikut:
 - I. Bina Semangat
 - II. Pembinaan Karakter/ Perwatakan
 - III. Integrasi Nasional
 - IV. Kenegaraan dan Jati Diri
 - V. Sosialisasi Politik
2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KBS sedang menjalankan program perintis yang mengadaptasi Model *Youth Adventurous Course Outward Bound* yang menerapkan nilai kepimpinan, jati diri dan kenegaraan bermula November 2018 sehingga Disember 2018 yang melibatkan enam kohort. Kohort pertama melibatkan 30 orang belia berumur 15 sehingga 17 tahun telahpun dilaksanakan pada 1 sehingga 10 November 2018 di Kem Outward Bound Malaysia (OBM) Lumut, Perak. Bagi Kohort kedua dan ketiga akan melibatkan 690 peserta akan dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2018 bertempat di Kem Outward Bound Malaysia (OBM) Lumut, Perak dan Outward Bound (OB) Kinarut, Sabah. Manakala bermula Kohort keempat iaitu pada bulan Disember, program ini akan dilaksanakan di beberapa buah Kem Bina Negara BTN dan Kompleks Rakan Muda di bawah KBS di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak melibatkan 1,310 orang peserta. Jumlah keseluruhan peserta yang akan terlibat dengan projek rintis ini adalah seramai 2,000 orang peserta.

3. Segala dapatan dari kesemua siri pelaksanaan program perintis ini yang melibatkan empat kohort ini akan dijadikan panduan serta rujukan untuk merangka dan seterusnya melaksanakan program baru yang akan dilaksanakan secara menyeluruh bermula tahun 2019.
4. Bagi pecahan kos PLKN yang diperuntukkan sejak 2008 sehingga 2018 adalah seperti berikut :

Tahun	Perbelanjaan (RM)	Bilangan Pelatih
2008	643,280,274.87	77,599
2009	659,520,346.58	89,405
2010	601,266,849.82	76,959
2011	717,514,012.97	75,346
2012	691,516,980.34	73,800
2013	691,463,225.18	82,239
2014	697,205,276.73	80,069
2015	408,341,667.07	• PLKN ditangguhkan • RM300 juta ditarik • Projek Rintis Transformasi PLKN 2.0 dilaksana
2016	361,729,168.89	• PLKN 2.0 dilaksana melibatkan 20,667 orang pelatih sahaja
2017	372,300,561.19	20,002
2018	217,440,502.00 (sehingga 2 Julai 2018)	20,875
Jumlah	RM 6,061,578,865.6	616,961 peserta

NO SOALAN : 27

5. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi kos perbelanjaan BTN termasuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang dilaksanakan sejak 2010 sehingga 2018 adalah seperti berikut :

Tahun	Perbelanjaan (RM)	Bilangan Pelatih
2010	87,945,363.13	333,038
2011	74,116,343.24	528,663
2012	73,463,602.90	999,652
2013	66,351,069.91	915,157
2014	71,093,882.30	378,192
2015	69,969,414.23	393,600
2016	62,984,985.91	224,081
2017	51,706,794.13	210,140
2018	40,783,139.41	136,224
Jumlah	RM 598,414,595.16	4,118,747 peserta

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 28

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu golongan peminta sedekah yang semakin berleluasa di negara ini agar nasib mereka akan sentiasa terbela.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi (*multi-sectoral*). Kementerian akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan dapat dikurangkan.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183] dan melibatkan kerjasama pelbagai agensi.

Tuan Yang di-Pertua;

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan isu pengemis termasuk warga asing adalah:

- i) JKM bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Bagi Membanteras Pengemisan di peringkat nasional dan jawatankuasa ini juga wujud di peringkat negeri serta daerah. Jawatankuasa ini berperanan menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela (NGO) yang berkaitan.
- ii) Menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan *Ad-hoc*. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa

agensi. Sehingga Jun 2018, JKM telah menjalankan **1,330** operasi menyelamatkan pengemis iaitu 28 operasi bersepadu, **51** operasi berjadual dan **33** operasi *ad-hoc* (serta-merta) di seluruh negara. Melalui Operasi tersebut seramai **1,891** orang pengemis telah diselamatkan melibatkan **452** orang pengemis warga asing dan **1,439** orang pengemis tempatan.

- iii) Jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah bukan warganegara atau pendatang tanpa izin, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan di bawah agensi berkaitan. Manakala pengemis warganegara yang tidak mempunyai waris, berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).
- iv) Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan melalui media cetak dan media elektronik. Melalui kempen ini, poster, stiker dan pamflet dengan slogan “Bijak Membantu, Elak Tertipu” telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Kempen bertujuan menerapkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat bahawa aktiviti mengemis adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu masyarakat perlu bijak membantu dan memberi sumbangan mengikut saluran betul seperti membantu rumah-rumah kebajikan yang berdaftar, mangsa bencana, rumah-rumah ibadat atau individu-individu yang dikenal pasti kesusahan hidupnya. Sehingga Jun 2018, sebanyak **248** kempen telah diadakan melalui pelbagai medium seperti pengedaran pamflet dalam program-program yang dilaksanakan atau semasa operasi pengemis dan siaran media seperti televisyen, radio, majalah / akhbar.
- v) Menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup

SOALAN NO. 28

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan melalui operasi menyelamatkan pengemis kurang berkesan andainya orang awam tidak bersungguh-sungguh untuk sama-sama membanteranya aktiviti pengemisan dengan terus memberikan sumbangan kepada golongan ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

TARIKH JAWAPAN : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 29

TUAN CHOW KON YEOW minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER
ASLI** menyatakan perkembangan projek-projek penarafan berkaitan
Empangan Mengkuang seperti projek mitigasi 23 tapak tanah runtuh,
menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong (Fasa 2A) dan pemasangan
saluran paip dari Rumah Pam Mak Sulong ke terusan Sungai Dua (Fasa
2B). Bilakah projek-projek berkaitan akan siap.

SOALAN NO. 29

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

1. Tender bagi kerja-kerja pembaikan tanah runtuh di 23 lokasi bagi projek Empangan Mengkuang telah dikeluarkan pada 25 September 2018 dan akan ditutup pada 30 Oktober 2018. Kerja-kerja pembaikan ini akan mengambil masa 4 bulan daripada tarikh milik tapak oleh pihak kontraktor dan dijangka siap pada hujung bulan April 2019.
 2. Manakala Fasa 2A iaitu Projek Menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong telah siap sepenuhnya pada 28 September 2017. Pengoperasian rumah pam dengan kapasiti pengepaman 200 – 400 MLD ini dijangka dapat diserahkan kepada Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang pada akhir bulan November 2018.
 3. Fasa 2B iaitu Projek Penyaluran Air Mentah Dari Stesen Pam Mak Sulong Ke Terusan Sg. Dua (Fasa 2B) pula berada di peringkat pengambilan tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) Pulau Pinang. Projek ini dijangka dapat ditender pada hujung bulan Disember 2018 dan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan iaitu pada hujung bulan September 2020.
- Sekian , terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN:

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani perlakuan LGBT di Malaysia dan adakah sebarang kajian yang telah dilakukan tentang perlakuan ini.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung isu Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender (LGBT) dan Queer, kerajaan melalui YAB Perdana Menteri telah menegaskan dalam kenyataan beliau pada 21 September 2018, Kerajaan bertegas amalan seperti LGBT tidak akan diterima sama sekali di negara ini. Beliau juga menyatakan konsep kekeluargaan kekal sebagai pasangan lelaki dan wanita yang berkahwin, mempunyai anak, termasuk anak angkat.

Kerajaan sentiasa mengambil maklum mengenai penularan budaya LGBT yang semakin membimbangkan mutakhir ini. Justeru, di Malaysia misalnya memperuntukkan undang-undang sivil berkenaan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii di bawah Seksyen

377A Kanun Keseksaan, serta Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri berkenaan perlakuan liwat, musahaqah dan orang lelaki berlagak seperti perempuan sebagaimana yang termaktub di dalam Seksyen 25, Seksyen 26 dan Seksyen 28 di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 untuk membendung gejala LGBT ini.

Ia bermaksud, hak komuniti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup mereka masih tertakluk dengan undang-undang yang tidak membenarkan di Malaysia. Pada masa yang sama, hak asasi manusia warga negaranya sentiasa dipelihara berdasarkan acuan adat dan budaya di Malaysia serta kerangka Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Pada waktu yang sama, Kerajaan menyedari bahawa sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap golongan LGBT, membuatkan mereka lebih jauh tersisih dan akhirnya menjerumuskan mereka ke kancah pekerjaan seks terutamanya golongan transgender. Kajian menunjukkan bahawa golongan transgender dianggarkan berjumlah sekitar 20,000 orang dan hampir 80% daripada mereka terlibat sebagai pekerja seks.

Justeru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam peringkat Persekutuan telah mengambil inisiatif menyantuni golongan ini dengan melaksanakan aktiviti temuseru (*outreach*) ke kawasan yang dikenali serta mengajak mereka yang beragama Islam menyertai program rawatan dan pemulihan (*'Ilaj wa Syifa'*) secara sukarela iaitu Program Mukhayyam yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Selain itu, aktiviti susulan seperti usrah dan kelas pengajian turut dilaksanakan, sebagai suatu bentuk sokongan dan bimbingan yang berterusan (*peer support*) agar kesedaran melakukan perubahan adalah berpanjangan.

Selanjutnya, bantuan zakat al-Riqab sebagaimana yang dipelopori oleh Majlis Agama Islam Selangor adalah contoh yang terbaik untuk diikuti. Bantuan tersebut diberikan melalui perantaraan mana-mana institusi,

pusat, NGO Islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan hukum syarak yang berfungsi melaksanakan tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf al-Riqab yang di antaranya golongan LGBT, sebagai golongan yang terbelenggu dengan gaya hidup songsang dan perlu dibimbing supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam.

Pada waktu yang sama, Kerajaan sedang berbincang dengan beberapa agensi pekerjaan yang mahu memberi peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada golongan transgender.

Seterusnya, Program Pendidikan dan Advokasi Berkaitan Isu LGBT berbentuk seminar telah mensasarkan masyarakat awam termasuk pelajar-pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan dan wakil NGO sosial Islam. Seminar ini akan membincangkan isu LGBT dari aspek psikososial, psikologikal, psikospiritual dan kesihatan agar peserta mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat bagi menghindari perlakuan LGBT serta membantu golongan yang terlibat untuk meninggalkan perlakuan LGBT. Sebagai rujukan dan panduan, JAKIM juga telah menerbitkan *e-book* Panduan Hijrah Diri bagi mereka yang mengalami permasalahan homoseksualiti yang boleh dimuat turun di *Google Playstore*, buku “Hadith Sahih Berkenaan Perlakuan LGBT” serta risalah “Memahami LGBT Daripada Perspektif Seorang Muslim”.

Manakala, berkenaan kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan LGBT, antaranya ialah:

- i. Perspektif Komuniti Lesbian, Gay dan Transgender Muslim Terhadap Perlakuan Homoseksual dan Konsep Perkahwinan Dalam Al-Qur'an. Mohd Izwan bin Md Yusof (2016), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- ii. Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Lesbian Muslim di Malaysia Melalui Program ‘Usrah Iqra’. Saiful Azhar bin Saadon, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

- iii. “Gerakan Hak Homoseksual di Malaysia”. Nik Muhd Marzuki Haji Muhd Nor, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- iv. Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Terhadap Amalan Homoseksual: Perkembangan Antarabangsa dan Perspektif Pengamal Muslim di Malaysia. Mohd Fairus Bin Ahmad Fuzi (2017), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- v. Program Mukhayyam Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual, Dan Transgender (LGBT) Di Malaysia. Saiful Azhar bin Saadon, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- vi. Elemen Psikospiritual Islam Dalam Video Pendek ‘LGBT: Apa Yang Anda Perlu Tahu?’ Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). DR. Mohd Izwan bin Md Yusof & Saiful Azhar bin Saadon, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA
KAWASAN : KETEREH
TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesediaan dan perancangan Kerajaan untuk meneruskan projek kereta nasional 3.0 yang dijangka dilancarkan menjelang tahun 2020 dan sejauh mana projek ini masih relevan meskipun negara telah mempunyai dua syarikat kereta nasional..

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Ketereh bersekali dengan soalan lain berkaitan soalan Projek Kereta Nasional baharu daripada YB. Tebrau.

Industri automotif merupakan elemen penting dan strategik dalam sektor perkilangan di Malaysia. Ia amat penting untuk pertumbuhan negara dan Projek Kereta Nasional baharu ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan kejuruteraan dan teknologi di Malaysia. Industri automotif serta sektor yang berkaitan automotif menggunakan lebih daripada 700,000 pekerja dan telah menyumbang hampir 4% daripada KDNK Malaysia.

Walaupun Malaysia kini sudah mempunyai dua kereta Nasional, Projek Kereta Nasional baharu adalah relevan kerana ianya selari dengan perkembangan industri automotif yang berkembang pesat serta untuk melengkapkan mobiliti terhubung yang selaras dengan Revolusi Industri 4.0 di Malaysia.

Projek Kereta Nasional ketiga ini juga dijangka dapat mewujudkan kluster teknologi baharu serta tenaga kerja pakar terutama dalam bidang kejuruteraan automotif di Malaysia.

Projek Kereta Nasional baharu akan dibuat selari dengan hala tuju dan strategi masa depan industri automotif Malaysia, dengan mengambil kira unsur-unsur *Next Generation Vehicles* (NXGV), Mobiliti, Revolusi Industri (IR) 4.0 dan *Artificial Intelligence* (AI).

Projek Kereta Nasional baharu yang dicadangkan ini tidak hanya terhad kepada pembangunan keupayaan pembuatan. Ianya harus dilihat secara holistik dengan melibatkan keseluruhan rantai nilai dan ekosistem industri automotif.

Cadangan projek Kereta Nasional baharu ini juga akan memberi penekanan kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan

(R&D), tren dan teknologi baharu dalam sektor automotif yang mana akan memacu pertumbuhan industri automotif di Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain.

Cadangan Projek Kereta Nasional baharu ini akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta dan Kerajaan hanya akan membantu dari segi kemudahan dan bantuan tertentu bergantung kepada komitmen syarikat.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan kepada Kerajaan berhubung Projek Kereta Nasional baharu di Malaysia pada September 2018. Tarikh akhir bagi penghantaran cadangan tersebut adalah pada 15 Oktober 2018 yang lalu.

Kementerian telah menerima beberapa kertas cadangan serta kertas konsep daripada beberapa syarikat dari Malaysia serta syarikat asing untuk melaksanakan projek Kereta Nasional Baharu. Buat masa ini, Kementerian masih lagi melakukan penilaian menyeluruh terhadap cadangan-cadangan tersebut bersama dengan agensi lain yang berkaitan.

Untuk makluman, Kerajaan buat masa ini sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) bagi menerapkan elemen-elemen selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan Industri 4.0 untuk memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global.

Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baharu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN:

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) di bawah JAKIM yang ditubuhkan oleh Kerajaan terdahulu pada 10 Ogos 2017 bagi memperkasakan sistem perundangan syariah secara keseluruhan selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses penelitian semula peranan dan fungsi institusi-institusi Islam di peringkat Persekutuan, maka perkara ini adalah salah satu daripada aspek-aspek yang akan diambil kira dalam memartabatkan perundangan Islam di Malaysia.

Kerajaan komited untuk memperkasakan mahkamah Syariah secara menyeluruh. Bagi pihak Kerajaan, aspek pemeraksanaan Mahkamah Syariah tidak hanya dilihat dari sudut pindaan Akta 355 sahaja tetapi termasuk perkara-perkara lain yang boleh meningkatkan tahap kecekapan tadbir urus Mahkamah Syariah, sistem penyampaian mahkamah Syariah dan perkara-perkara yang boleh mengukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah serta kredibiliti pegawai mahkamah termasuklah Hakim Syarie, Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie.

Dalam usaha untuk memperkasakan mahkamah Syariah tersebut, Kerajaan turut memberikan penekanan kepada kajian kepada undang-undang baharu yang berkaitan dengan mahkamah Syariah seperti undang-undang berkaitan profesion guaman syarie, semakan semula undang-undang sedia ada berkaitan mahkamah Syariah yang mana termasuklah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya seperti undang-undang kesalahan jenayah syariah, undang-undang tatacara mal mahkamah Syariah, undang-undang tatacara jenayah syariah, undang-undang keterangan mahkamah Syariah dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN YANG KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

NO. SOALAN : 33

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif jangka pendek dan panjang Kementerian untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat.

JAWAPAN :

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat negara ini. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) sehingga September 2018 bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya, pelaksanaan PSK membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan

menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

- b) Program-program Detik-Detik Kebersatuan (*Moments of Unity*) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling bertoleransi dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum.
- c) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga September 2018, seramai **4,573 orang pelajar** telah menyertai program ini.
- d) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui penganjuran program 1SRN 1Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi

muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:

- Membaik pulih rumah penduduk yang usang
- Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
- Khidmat jagaan warga emas
- Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
- Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan sifat toleransi, persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Penganjuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) antara agama. Dialog ini juga merupakan platform bagi penganut pelbagai agama untuk berkongsi pengalaman hidup mengikut pegangan agama masing-masing.
- b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejagat. Melalui sambutan hari tersebut, secara langsung bukan sahaja menonjolkan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat Malaysia malah lebih dari itu kerana telah mendukung konsep “Penerimaan” antara satu sama lain.

- c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World International Harmony Week*) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan memelihara keamanan sejagat serta memacu masyarakat seluruh dunia ke arah suasana kehidupan yang lebih sejahtera dan makmur, sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- a) Usaha-usaha pendidikan untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Justeru, PERPADUAN sedang melakukan konsultasi bagi mendapatkan pandangan dan input daripada pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan dan masyarakat sivil terhadap cadangan menggubal Akta Keharmonian Nasional yang bertujuan membina persefahaman dan rasa saling hormat-menghormati antara pelbagai kaum dan agama berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
- b) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM)* sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang

menyediakan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.

- c) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancang melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan secara meluas akibat kekangan peruntukan kewangan yang menyebabkan bilangan peserta yang terlibat agak terhad dan ini mengakibatkan impak program yang dilaksanakan sukar dilihat dalam kalangan keseluruhan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [Kota Melaka]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN : 34

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status operasi 'Ops Gopi' yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Melaka pada tahun lepas, dan adakah tindakan ,termasuk tindakan tatatertib dalaman atau pendakwaan, telah diambil.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat,

Untuk makluman YB sebenarnya Ops yang dimaksudkan adalah Ops JT (Judi Tukar) yang dipanggil sebagai Ops Gopi oleh YB Kota Melaka. SPRM telah selesai menjalankan siasatan terhadap Ops JT yang mana sebanyak 10 kertas siasatan telah dibuka di bawah operasi ini. Kertas siasatan dengan syor telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Timbalan Pendakwa Raya telah mengembalikan kertas siasatan yang membawa keputusan lucut hak wang tunai berjumlah RM1.03 juta dan syor supaya tindakan tatatertib diambil oleh Ketua Jabatan terhadap anggota PDRM yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :

Senarai semua agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat awam berkaitan Kerajaan dan yayasan-yayasan yang telah ditubuhkan dan masih beroperasi untuk membantu Bumiputera.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, pelbagai agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan (SOE) telah ditubuhkan seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) bagi memacu pertumbuhan agenda pembangunan Bumiputera. Agensi mandat Bumiputera ini diakui telah memainkan peranan yang signifikan dalam mengubah landskap pembangunan sosioekonomi Bumiputera agar Bumiputera mampu berdaya saing bukan sahaja dalam pasaran domestik, malah di persada antarabangsa.

Usaha pembangunan ekonomi Bumiputera akan terus diberikan penekanan oleh Kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan akan mereformasi agenda pembangunan Bumiputera. Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP, RMKe-11), di bawah Tonggak 2, Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat, Strategi A2 iaitu Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC), akan menilai semula peranan dan fungsi semua agensi mandat Bumiputera bagi memperkukuh keberkesanan institusi dan program secara keseluruhan. Usaha ini adalah bagi memperkukuhkan semula sistem penyampaian dan pelaksanaan agenda Bumiputera agar lebih inklusif dan telus. Ini sekaligus menghapuskan sokongan politik dalam tadbir urus dan pelaksanaan program di bawah agensi dan SOE supaya pertimbangan hanya berasaskan kepada merit dan perniagaan sahaja.

Selain itu juga, usaha untuk memperkukuh penyampaian dan penyelarasan program keusahawanan termasuk Bumiputera, tidak hanya tertumpu kepada agensi mandat Bumiputera tetapi turut diperluaskan antaranya melalui penubuhan semula Kementerian

Pembangunan Usahawan (MED) pada tahun 2018. Pendekatan ini adalah selaras dengan pelaksanaan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional.

Senarai institusi yang berkaitan Bumiputera serta fungsi dan peranan utama adalah seperti berikut:

1. Majlis Amanah Rakyat (MARA)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 1966
- (b) Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif
- (c) Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- (d) Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- (e) Memudahkan sistem penyampaian
- (f) 130,000 pelajar telah dilatih oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam TVET serta program profesional dan pengurusan pada tahun 2017
- (g) 219 unit premis perniagaan bernilai RM20.7 juta telah dibangunkan oleh MARA pada tahun 2017

2. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 2011
- (b) Menerajui, menyelaras dan memacu Agenda Bumiputera bertujuan meningkatkan penguasaan Bumiputera dalam ekonomi negara.
- (c) Memacu perlaksanaan Agenda Bumiputera melalui penerokaan inisiatif-inisiatif baru dan memperkenalkan pembaharuan kepada instrumen sedia ada.
- (d) Menyelaraskan perlaksanaan inisiatif pembangunan ekonomi Bumiputera melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan.
- (e) 236 syarikat telah mendapat manfaat dan lebih daripada 4,000 pekerjaan telah diwujudkan di bawah dasar carve-out and compete melibatkan 4 projek iaitu Lebuhraya Pan Borneo

Sabah, Lebuh raya Pan Borneo Sarawak, Lebuh raya Setiawangsa-Pantai (SPE) dan MRT Laluan 2

- (f) 231 syarikat telah mendapat manfaat dan lebih 14,000 pekerjaan diwujudkan di bawah inisiatif Dana Mudahcara

3. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 2009
- (b) Mengendalikan pengurusan dana ekuiti persendirian, dengan matlamat untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi berdaya saing tinggi melalui penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.
- (c) RM482.6 juta pelaburan oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dalam 9 syarikat yang terlibat dalam perniagaan berkaitan minyak dan gas; peruncitan; pembuatan; makanan dan minuman; barangan pengguna mudah laris; dan perkhidmatan

4. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 1991
- (b) Membangun usahawan Bumiputera dalam perniagaan strategik dan berpotensi tinggi.
- (c) Melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang dinamik, berdaya tahan dan progresif.
- (d) Menjadi nadi penggerak untuk membangun usahawan Bumiputera tulen yang profesional dan beretika tinggi.
- (e) RM377.5 juta pinjaman telah disalurkan kepada 865 usahawan di bawah Program Pembiayaan Keusahawanan PUNB

5. Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 2006
- (b) Membuka peluang kepada kaum Bumiputera dalam pelaburan pemilikan hartanah komersial perdana, terutamanya di bandar raya utama di Malaysia.
- (c) 3 unit bangunan dan hartanah komersial bernilai tinggi dengan nilai RM1.2 bilion telah diperoleh oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)
- (d) Saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah meningkat kepada RM4 bilion yang memberi manfaat kepada 58,000 pemegang unit Bumiputera

6. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 2011
- (b) Meningkatkan kualiti, kuantiti dan keberkesanan bakat-bakat Bumiputera sejajar dengan usaha Kerajaan dalam menaiktaraf Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi melalui pendidikan akademik dan juga vokasional.
- (c) Pencapaian cemerlang di bawah Program Peneraju Profesional adalah:
 - 7 pelatih telah dianugerahkan *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Global Prize*
 - 21 pelatih telah dianugerahkan *Certified Accounting Technician (CAT) Global Prize*
 - 20 pelatih telah ditauliahkan sebagai *Chartered Financial Analyst (CFA)*
- (d) 90.6% peserta yang dilatih oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) di bawah Program Peneraju Skil Iltizam telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas berjaya memperoleh persijilan

7. Lembaga Tabung Haji (TH)

- (a) Ditubuhkan pada tahun 1969 (dikenali sebagai Lembaga Urusan dan Tabung Haji)

- (b) Membolehkan orang Islam membuat simpanan bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardhu haji atau lain-lain perbelanjaan bermanfaat.
- (c) Membolehkan orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian yang lebih berkesan di bidang penanaman modal melalui cara yang halal di sisi Islam.
- (d) 9.2 juta pendeposit dengan dana berjumlah RM73.5 bilion
- (e) Kadar bonus sebanyak 4.5% dan 1.75% bonus haji pada tahun 2017

Sekian, terima kasih.

21 November 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

SOALAN NO : 36

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SIVARRAAJH CHANDRAN

KAWASAN : CAMERON HIGHLANDS

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018, RABU

SOALAN :

YB DATO' SIVARRAAJH CHANDRAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan RM 40 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu bagi pelaksanaan Projek Mitigasi Kesesakan Lalu Lintas Cameron Highlands akan diteruskan. Jikalau tidak, kenapa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laluan Persekutuan FT 059 merupakan satu-satunya jalan yang menghubungkan pekan-pekan utama di Daerah Cameron Highlands seperti Ringlet, Habu, Tanah Rata, Brinchang, Tringkap, Kuala Terla, Kampung Raja, Blue Valley sehingga ke Simpang Pulai. Jalan FT059 ini telah mencapai tahap kapasiti maksima dan tidak berkeupayaan untuk menampung isipadu trafik yang sangat tinggi terutamanya pada hujung minggu, cuti persekolahan dan cuti umum. Jalan sedia ada merupakan jalan tunggal 2 lorong (*single carriageway*) Piawaian R2 dan R3 dan lebar bahu jalan berturap kira-kira 1m dengan panjang keseluruhan dalam daerah Cameron Highlands adalah 39 km. Keadaan geometrik jalan yang tidak konsisten dari segi kelebaran lorong dan bahu jalan serta selekoh yang tajam telah mendedahkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan.

Faktor muka bumi dan kepadatan penduduk serta pembangunan kegiatan ekonomi yang pesat di sepanjang jajaran FT059 menjadi kekangan untuk laluan ini dinaiktaraf. Jalan Pintasan Cameron Highlands telah dicadangkan sebagai jalan alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Cameron Highlands. Pelaksanaan projek ini dicadangkan dalam dua (2) fasa iaitu:

- a) Fasa 1: bermula dari Habu ke Tringkap sepanjang 20km; dan
- b) Fasa 2: bermula dari Blue Valley ke Kuala Terla sepanjang 7km.

Cadangan pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands ini bagaimanapun perlu diteliti dan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengenalpasti daya maju (*viability*) projek.

Sebagai langkah jangka masa pendek dalam usaha menangani isu kesesakan serius di Cameron Highlands, pihak JKR telah mengemukakan cadangan

permohonan bagi menaiktaraf dan melebarkan Jalan Persekutuan FT 59 Jalan Ringlet Ke Blue Valley, Daerah Cameron Highlands, Pahang. **Kementerian ini telah mengangkat permohonan projek ini semasa *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11 dengan kos sebanyak RM 700 Juta namun tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat di dalam tempoh tersebut.**

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman
[Pasir Salak]**

TARIKH : 21 November 2018

SOALAN NO. 37 :

PR-1412-L01939

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kemajuan
Projek Pasar Tani Kekal Kg. Gajah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah membangunkan Pasar Tani Kekal yang merupakan satu premis untuk menempatkan peserta-peserta pasar tani bagi membolehkan mereka memasarkan hasil produk secara harian terus kepada pengguna. Sehingga kini, sebanyak 11 Pasar Tani Kekal telah dibangunkan oleh FAMA.

Di Kg Gajah, Perak, terdapat sebuah pasar tani yang beroperasi pada setiap hari Jumaat. Memandangkan permintaan yang tinggi daripada peserta pasar tani dan pembeli, FAMA telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan Pasar Tani Kekal di Kg. Gajah. Cadangan tersebut telah diluluskan pada tahun 2017 dan pembinaannya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2018.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah ditangguhkan selaras dengan arahan Kementerian Kewangan supaya projek yang melibatkan perolehan secara tender dibatalkan dan ditender semula selepas ditentukan keutamaan dengan merujuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Pejabat Belanjawan Negara (NBO). Dalam hal ini, projek Pasar Tani Kekal di Kg. Gajah merupakan projek keutamaan dan akan diteruskan di mana permohonannya telah dikemukakan untuk kelulusan MEA dan NBO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
15 OKTOBER HINGGA 11 DISEMBER 2018

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[Batu Gajah]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan prospek industri getah negara kita dalam jangka pendek dan jangka panjang. Nyatakan secara terperinci mengenai produk-produk hasilan getah yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan sumbangannya kepada ekonomi negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat kira-kira 300 syarikat pembuat barangan getah di seluruh Malaysia yang menghasilkan lebih 1,000 jenis barangan getah yang dieksport ke 195 negara di seluruh dunia. Barangan getah tersebut terdiri daripada barangan bagi memenuhi permintaan sektor kesihatan, automotif, pembinaan, minyak & gas, pembinaan, pengangkutan, sukan, elektronik dan juga isi rumah.

Pada tahun 2017, industri getah telah menyumbang 4.4% kepada jumlah eksport negara, yang mana 53% adalah dari sektor barangan getah, 22% dari sektor getah asli dan selebihnya dari barangan kayu getah dan lain-lain

jenis getah. Bermula dari tahun 2009 sehingga kini, eksport barangan getah negara telah tumbuh pada kadar yang amat menggalakkan iaitu 9.3% setahun. Destinasi utama pasaran barangan getah adalah Amerika Syarikat iaitu 28% dari keseluruhan jumlah eksport dan negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak 24%.

Tuan Yang Di-Pertua,

Barangan getah Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan yang mana pihak Kerajaan akan terus berusaha untuk mempromosikan barangan getah ini. Selain dari kilang pengeluar barangan itu sendiri, Lembaga Getah Malaysia (LGM) bersama-sama *Malaysian Rubber Export Promotion Council* (MREPC) dari masa ke semasa menganjurkan misi-misi ekonomi dan perdagangan ke negara luar bagi tujuan promosi. Selain dari itu, MREPC turut menyediakan pelbagai insentif, kajian pasaran serta latihan kepada penggiat industri yang boleh dimanfaatkan dalam usaha mempromosikan barangan keluaran masing-masing.

Antara produk getah utama keluaran Malaysia yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa adalah sarung tangan getah yang telah menyumbang RM15.9 bilion atau hampir 50% daripada jumlah eksport getah negara pada tahun 2017. Nilai ini mencakupi 73% daripada pasaran sarung tangan getah dunia. Di samping itu, produk getah eksport lain adalah tayar yang menyumbang sebanyak RM1.5 billion atau 4.5% daripada jumlah eksport getah, bebenang getah sebanyak RM0.7 billion atau 2.2% daripada jumlah eksport getah, kondom sebanyak RM0.4 billion atau 1.4% daripada jumlah eksport getah dan *catheter* sebanyak RM0.2 bilion atau 0.6% daripada jumlah eksport getah.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : **21 NOVEMBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berikutan pemansuhan Program Latihan Khidmat Negara adakah Kementerian sudah mempunyai program bagi menggantikan PLKN.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang merangka program baru bagi menggantikan program PLKN dan BTN. Program ini dirangka secara holistik dengan menggabungkan aktiviti *indoor* dan *outdoor* berimpak tinggi untuk menyerlahkan potensi anak muda sebagai rakan strategik dalam membangunkan negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Program ini akan memantapkan elemen seperti berikut:
 - I. Bina Semangat
 - II. Pembinaan Karakter/ Perwatakan
 - III. Integrasi Nasional
 - IV. Kenegaraan dan Jati Diri
 - V. Sosialisasi Politik

2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, KBS sedang menjalankan program perintis yang mengadaptasi Model *Youth Adventurous Course Outward Bound* yang menerapkan nilai kepimpinan, jati diri dan kenegaraan bermula November 2018 sehingga Disember 2018 yang melibatkan enam kohort. Kohort pertama melibatkan 30 orang belia berumur 15 sehingga 17 tahun telahpun dilaksanakan pada 1 sehingga 10 November 2018 di Kem Outward Bound Malaysia (OBM) Lumut, Perak. Bagi Kohort kedua dan ketiga akan melibatkan 690 peserta akan dilaksanakan pada bulan November dan Disember 2018 bertempat di Kem Outward Bound Malaysia (OBM) Lumut, Perak dan Outward Bound (OB) Kinarut, Sabah. Manakala bermula Kohort keempat iaitu pada bulan Disember, program ini akan dilaksanakan di beberapa buah Kem Bina Negara BTN dan Kompleks Rakan Muda di bawah KBS di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak melibatkan 1,310 orang peserta. Jumlah keseluruhan peserta yang akan terlibat dengan projek rintis ini adalah seramai 2,000 orang peserta.
3. Segala dapatan dari kesemua siri pelaksanaan program perintis ini yang melibatkan empat kohort ini akan dijadikan panduan serta rujukan untuk merangka dan seterusnya melaksanakan program baru yang akan dilaksanakan secara menyeluruh bermula tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ulat pemakan daun (ulat bungkus) di Felda Gunung Besout.

JAWAPAN

Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, serangan ulat pemakan daun adalah serius di kawasan ladang peneroka FELDA bukan sahaja di Felda Gugusan Besout, malah juga di kawasan-kawasan FELDA yang lain. Sehingga kini, keluasan ladang yang terlibat dengan serangan ulat bungkus dicatatkan mencecah 30,000 hektar. Justeru, dalam mengatasi masalah ini, pemantauan yang teliti melalui proses bancian yang konsisten diperlukan untuk mengelakkan daripada serangan tersebut merebak ke kawasan yang lebih luas.

Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan ulat bungkus berterusan membantu memberikan latihan, menjalankan bancian dan nasihat teknikal kepada petugas dan juga peneroka. Proses pencegahan awal adalah penting dalam memastikan keadaan ini terkawal.

Geografi kawasan penempatan ladang FELDA adalah bersebelahan dan berpusat termasuk dengan ladang komersial dan ladang pekebun kecil persendirian. Ini memudahkan perebakan serangan ulat bungkus. Oleh itu, sistem kawalan serangan ulat bungkus seharusnya dilaksanakan secara holistik iaitu secara berintegrasi dan bersepadu. Serangan berulang ulat bungkus terjadi apabila sesetengah kawasan tidak melaksanakan sistem kawalan secara serentak seterusnya menjadikan kos tambahan kepada peneroka yang terlibat. Justeru, kerjasama antara semua agensi kerajaan seperti MPOB, Jabatan Pertanian dan Syarikat Ladang Komersial adalah penting dalam menjayakan perkara ini mengikut Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.

Terkini, FELDA dan NGO FELDA telah menjemput Menteri Industri Utama bagi melihat sendiri isu dan masalah yang berlaku di kawasan Felda Gunung Besout. Selain itu, FELDA juga mencadangkan agar penubuhan Jawatankuasa Pengawasan dan Pemantauan Serangan Ulat Bungkus peringkat Kementerian Industri Utama yang dipengerusikan

oleh Wakil Kementerian dan melibatkan agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Pertanian, MPOB, MPOA, wakil-wakil estet utama, pekebun kecil, FELCRA, RISDA dan NASH. Dengan penubuhan jawatankuasa ini, diharapkan agar masalah serangan ulat bungkus dapat diselesaikan secara menyeluruh. Penyelarasan oleh Kementerian adalah amat diharapkan bagi memastikan kawalan bersepadu dapat dilaksanakan dengan jayanya di keseluruhan kawasan termasuk kawasan pekebun kecil dan ladang swasta berhampiran.

Sekian, terima kasih
21 November 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAN BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 41

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Menteri Pengangkutan boleh melarang kedai-kedai basikal dan bengkel-bengkel basikal mengubahsuai basikal sebagai “basikal lajak/nyamuk”.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak mempunyai kuasa untuk memasuki premis bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap kedai-kedai aksesori/ kedai-kedai pengubahsuaian motokar/motosikal atau basikal.
2. Kementerian Pengangkutan menyedari akan kekangan tindakan penguatkuasaan ke atas premis tersebut. Sehubungan itu, Kementerian ini bersama JPJ sedang meneliti cadangan untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam menguatkuasakan peraturan berkaitan berkenaan standard komponen dan aksesori basikal di premis-premis.
3. Kementerian ini memandang serius akan kesalahan menggunakan basikal lajak secara berleluasa di atas jalan raya di kalangan kanak-kanak dan remaja. Penggunaan basikal lajak yang tidak mengikut peraturan lalu lintas yang ditetapkan boleh menimbulkan pelbagai isu kepada pengguna jalan raya yang lain seperti boleh membawa kepada kemalangan kepada pengguna basikal itu sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah menetapkan bahawa mana-mana pengguna basikal lajak ini yang tidak mengikut peraturan lalu lintas boleh disaman dan didenda di mahkamah.
4. Jika penunggang basikal lajak ini menggunakan basikal secara membahayakan pengguna jalan raya yang lain, mereka boleh diambil tindakan di bawah seksyen 54 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu menunggang dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang merbahaya kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, dan apabila disabitkan boleh denda sebanyak tiga ratus ringgit atau, jika sabitan itu sabitan kali kedua

atau kemudiannya, denda sebanyak satu ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tiga bulan.

5. Selain dari itu, tindakan juga boleh diambil di bawah kaedah 42 Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 itu berkaitan dengan basikal hendaklah dilengkapi dengan brek yang efektif, mempunyai loceng, memegang pemegang handle ketika menunggang, menunggang basikal dalam satu deretan. Mana-mana penunggang basikal yang gagal mematuhi kaedah ini, mereka boleh didenda di bawah subseksyen 119(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 42

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB

KAWASAN : TANJONG MANIS

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018, RABU

SOALAN :

YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Jalan Sungai Maaw ke Tanjong Manis sepanjang lebih kurang 80km menjadi Jalan Protokol memandangkan terdapat kemudahan Pelabuhan Laut Dalam dan Lapangan Terbang di Tanjong Manis dan jalan ini menjadi jalan utama untuk pengangkutan barang-barang import/eksport melalui pelabuhan di Tanjong Manis.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Sungai Maaw ke Tanjong Manis yang dimaksudkan adalah merupakan Jalan Negeri dan proses menaik taraf jalan tersebut kepada Jalan Protokol juga adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan statistik keberhasilan Kementerian dalam membantu pekerja swasta yang kehilangan kerja menerusi program pepadanan kerja. Apakah statistik laporan bagi majikan yang gagal mematuhi pelaksanaan SIP dan berapa ramaikah majikan yang telah menerima impak hukuman daripada kegagalan perlaksanaannya.

PR-1412-L02850

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian ini melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan Program *Return to Work* dan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) secara keseluruhan telah berjaya menempatkan seramai 8,942 Orang Berinsurans kembali bekerja. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,677 kes adalah daripada Program *Return to Work* (sejak dilaksanakan pada tahun 2007) dan baki sebanyak 3,265 kes adalah daripada Program Interim Sistem Insurans Pekerjaan 2018.

2. Pendekatan yang digunakan oleh PERKESO dalam padanan pekerjaan atau menempatkan Orang Berinsurans kembali bekerja adalah menerusi konsep pengurusan kes dan sokongan individu di mana terdapat seorang Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan yang berdedikasi bagi setiap Orang Berinsurans yang bertanggungjawab memberikan kaunseling kerjaya, menguruskan aktiviti – aktiviti pasaran buruh serta kebolehpekerjaan dalam memastikan Orang Berinsurans dapat kembali bekerja secara cepat dan selamat. Pemantauan setelah Orang Berinsurans kembali bekerja turut dilaksanakan bagi memastikan mereka terus dapat kekal di tempat kerja.

3. Pendekatan yang digunakan oleh PERKESO telah diiktiraf oleh *World Future Council* sebagai '*best practice*' dan juga oleh '*ASEAN Social Security Association (ASSA)* selain daripada *International Labour Organisation (ILO)*.

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, memandangkan SIP baru diperkenalkan pada 1 Januari 2018 (tahun pertama), PERKESO mengambil pendekatan *soft approach* menerusi program *outreach* dan publisiti meluas di media massa dan media sosial untuk memberi kesedaran kepada majikan dan pekerja berkenaan kepentingan dan manfaat SIP. Justeru PERKESO belum mengambil sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap majikan yang gagal mematuhi Akta SIP sejak mula dikuatkuasakan.